

MEDIA WARGA KOTA

WILAYAHKU



Menjelang 365 hari Anwar Ibrahim

Hidup sebelum era
digital
>> 7

Martabat kelestarian
kraf tangan negara
>> 9 - 11

Tufting konsep klasik
Melayu di tengah kota
>> 15

Kerajaan tetapkan enam keputusan bagi memastikan SDG lebih berkesan

AZLAN ZAMBRY

BERLATARKAN cabaran dan situasi semasa di peringkat global dan tempatan seperti kesan pasca pandemik COVID-19, cabaran perubahan iklim dunia, krisis inflasi dan kemelut geopolitik antarabangsa, secara keseluruhannya, prestasi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Malaysia masih mencatatkan kemajuan yang positif, kata Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim**.

Beliau berkata antara pencapaian negara adalah seperti terkandung didalam SDG 1, SDG 8 dan SDG 17.

“Untuk SDG 1, iaitu tiada kemiskinan. Penurunan peratusan di bawah garis kemiskinan daripada 8.4 peratus pada tahun 2020 kepada 6.2 peratus pada tahun 2022.

“SDG 8 iaitu (Pekerjaan Yang Sesuai dan Pertumbuhan Ekonomi) iaitu dengan kadar pengangguran telah menurun daripada 4.6 peratus pada tahun 2021 kepada 3.4 peratus pada Ogos 2023 dan SDG 17 (Kerjasama Demi Matlamat): Penggunaan Internet individu meningkat daripada 81.2 peratus pada tahun 2018 kepada 97.4 peratus pada tahun 2022,” kata Perdana Menteri selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis SDG Negara bagi



ANWAR mempengerusikan mesyuarat Majlis SDG Negara bagi tahun 2023 di Parlimen pada Selasa.

tahun 2023 di Parlimen pada Selasa.

Hadir sama Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, Ketua-Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar.

Anwar berkata menyedari bahawa untuk mencapai Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan (Agenda 2030) hanya berbaki lebih kurang tujuh tahun sahaja lagi, mesyuarat Majlis SDG Negara telah

memuktamadkan enam keputusan bagi memastikan pelaksanaan SDG yang lebih berkesan.

“Kerajaan perlu menambah baik struktur tadbir urus SDG Kebangsaan selari dengan fungsi semasa kementerian-kementerian dan memperkasa peranan kementerian-kementerian di peringkat persekutuan sebagai

kementerian peneraju bagi setiap matlamat SDG.

“Kementerian peneraju bertanggungjawab untuk melaksanakan gerak kerja bagi memastikan setiap sasaran SDG dapat dicapai dalam tempoh yang ditetapkan. Dalam hubungan ini, semua wacana dan program anjuran kementerian dan agensi perlu

dijajarkan kepada SDG,” katanya.

Kata Anwar, Pusat SDG Negara (PSN) di bawah Kementerian Ekonomi dipertanggungjawabkan untuk meningkatkan tindakan penyelarasan SDG di peringkat kebangsaan, menambah baik pencapaian SDG negara serta meningkatkan kesedaran dalam pelaksanaan SDG dan penerimgunaan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

“Buat pertama kalinya, Malaysia menetapkan sasaran indikator SDG kebangsaan dan memuktamadkan sembilan inisiatif mempercepat (*accelerator initiative*) pencapaian SDG di Malaysia dan semua sasaran indikator SDG kebangsaan dan inisiatif ini akan diterjemahkan dalam Pelan Hala Tuju Matlamat Pembangunan Mampan Fasa 2 yang akan diterbitkan pada bulan Disember 2023,” katanya.

Ujar Perdana Menteri, untuk mencapai Agenda 2030, kerajaan akan terus memperkukuhkan tindakan bagi mencapai 17 SDG dan menuntut komitmen daripada semua pihak termasuk Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pihak berkepentingan yang lain adalah penting untuk memastikan Malaysia menjadi sebuah negara mampan menjelang 2030. **WK**

MTEN kemuka tiga cadangan untuk menoktahkan miskin tegar

KERAJAAN Persekutuan telah bersetuju dengan tiga cadangan yang dikemukakan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dalam usaha untuk menoktahkan miskin tegar.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** berkata banyak usaha dan program-program yang telah dilaksanakan kerajaan dalam usaha membasmi miskin tegar.

“Antara program yang dilaksanakan adalah bantuan tunai bulanan, naik taraf perniagaan, pemberian modal perniagaan, latihan kemahiran dan penajaan pendapatan.

“Usaha-usaha ini telah pun dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi dalam usaha menarik keluar rakyat dari belunggu miskin tegar,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat MTEN Bilangan 6 Tahun 2023 di Bangunan Parlimen pada Selasa.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi**; Ketua Setiausaha Negara, **Tan Sri Mohd Zuki Ali**; dan Ketua Badan Penasihat Khas Menteri Kewangan, **Tan Sri Mohd Hassan Marican**.

Menurut Anwar, menerusi

cadangan yang dikemukakan di dalam mesyuarat tersebut, kerajaan melalui semua kementerian dan agensi akan menyemak dan mengemas kini data untuk mengesahkan jumlah penerima isi rumah miskin tegar yang telah dibantu dan menjana pendapatan atau Paras Garis Kemiskinan (PGK) makanan dalam tahun 2023.

“Selain itu, semua agensi perlu mengenal pasti isi rumah yang boleh menyertai program dalam tempoh berbaki tiga bulan dan diserapkan di dalam program-program yang ditawarkan mengikut kesesuaian.

“Bantuan tunai khas secara bulanan akan dipertimbangkan untuk melepasi PGK makanan bagi isi rumah yang tidak berkemampuan menyertai aktiviti menjana pendapatan atas faktor umur dan kesihatan,” ujarinya.

Perdana Menteri berkata prestasi ringgit dan mata wang serantau lain terus didorong oleh faktor luaran, terutamanya jangkaan bahawa kadar faedah Amerika Syarikat akan kekal tinggi untuk tempoh yang lebih lama dan faktor geopolitik.

Jelas beliau, perkembangan mata wang ringgit itu dijangka tidak akan menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau yang juga Menteri

Kewangan berkata usaha kerajaan terhadap pembaharuan struktur, termasuk inisiatif menerusi Pelan Induk Perindustrian Baru (NIMP) 2030 dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) akan memperkukuhkan daya saing Malaysia.

“Ini akan meningkatkan daya tarikan negara terhadap pelabur asing, seterusnya membantu penguatkuasaan nilai ringgit secara lebih mampan. Bank Negara Malaysia komited dalam usaha membendung perubahan yang berlebihan bagi memastikan pasaran pertukaran ringgit kekal teratur,” katanya.

Perdana Menteri turut berkata bahawa pelaksanaan projek pembangunan yang bermasalah dan mengalami kelewatan pelaksanaan telah menyebabkan peningkatan kos dan memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi.

“Turut didapati penentuan spesifikasi dan penilaian kos projek-projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) sukar dilakukan dengan berkesan dan proses semakin kos adalah sukar tanpa satu piawai anggaran kos. Ini boleh menyebabkan pertindihan kerja yang berulang dan kenaikan kos projek ICT,” katanya lagi. **WK**

Qunut Nazilah selepas solat fardu di masjid dan surau

JABATAN Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), telah mengarahkan kesemua masjid utama serta surau di bawah seliaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan pentadbiran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) untuk membaca doa Qunut Nazilah dalam setiap solat fardu bermula 8 November.

Antara masjid terlibat di bawah seliaan JAKIM ialah Masjid Negara, Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin serta kesemua masjid dan surau di bawah pentadbiran JAWI.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), **Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar** berkata pihaknya mengecam dan mengutuk perbuatan tidak berperikemanusiaan Zionis, Israel yang terus menerus melancarkan serangan kepada Gaza, Palestin.

“Di pihak kementerian

mengutuk perbuatan tidak berperikemanusiaan Zionis, Israel yang telah menyebabkan kematian dan kecederaan termasuk kanak-kanak serta telah memusnahkan kediaman, premis awam dan sebagainya.

“Tindakan Zionis Israel adalah biadab serta amat tidak bertanggungjawab,” katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Tambah Mohd Na'im, beliau menyeru semua orang bersatu hati menadah tangan dan berdoa agar keamanan dapat dikecapi.

“Marilah bersama-sama kita terus bersatu hati berdoa agar Allah memberikan kesejahteraan dan keamanan buat rakyat Gaza di Palestin.

“Selain itu, kita terus menghulurkan bantuan dan sokongan dalam pelbagai platform menyatakan solidariti kepada rakyat Gaza, Palestin,” ujarinya. **WK**



MOHD NAIM

Bukti kekukuhan Kerajaan Perpaduan pimpinan Anwar

AZLAN ZAMBRY & SYED HAZIQUE

MENJELANG 365 hari atau menginjak usia setahun Kerajaan Perpaduan yang diterajui Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim jelas memberi impak positif terutamanya daripada segi perkembangan ekonomi negara.

Kerajaan Perpaduan terus berusaha memperkukuhkan kompetensi dan kewibawaan dalam mentadbir negara dengan komitmen ampuh membawa angin transformasi positif di segenap elemen kerajaan bagi menggerakkan harapan rakyat melihat Malaysia yang lebih makmur.

Beliau dan pasukannya amat mementingkan agenda rakyat agar tiada yang tertinggal dalam arus pembangunan. Malah, giat berusaha demi memastikan hasrat dan harapan rakyat dapat dipenuhi meskipun berdepan dengan cabaran kelembapan ekonomi.

Kadar inflasi negara yang telah mencatatkan rekod lebih rendah sejak Kerajaan Perpaduan mengambil alih tampuk pemerintahan negara sejak November tahun lalu adalah salah satu bukti inisiatif pemulihan kerajaan sudah mula menunjukkan trend positif.

Penganalisis politik, **Ts Nurul Aishah Ab Rahman** berpandangan, prestasi inflasi negara yang baik ini kesan campur tangan kerajaan dalam menangani subsidi dan kawalan harga barang-barang keperluan yang disenaraikan dalam Kumpulan Indeks Harga Pengguna (IHP) seperti ayam, beras dan minyak masak antara pendekatan yang telah membuahkan hasil bagi menurunkan kadar inflasi.

Selain itu, usaha bagi merealisasikan penstrukturan semula ekonomi negara ini turut dilihat menerusi inisiatif paling menonjol Kerajaan Perpaduan iaitu di bawah Payung Rahmah yang merangkumi pelbagai bentuk produk dan bantuan daripada makanan hingga pakej-pakej perkhidmatan jalur lebar, kesihatan, malah termasuk pakej pelancongan yang menawarkan harga yang rendah yang mampu dimanfaatkan seluruh rakyat daripada pelbagai lapisan demografik, kuasa ekonomi dan pekerjaan," katanya kepada

Wilayahku baru-baru ini. Tambahnya, perkembangan ekonomi negara yang baik juga telah menambah keyakinan bagi pelabur-pelabur asing untuk terus menapak di Malaysia.

"Kesemua rantaian ekonomi yang menunjukkan perkembangan baik ini sekali gus telah menambah keyakinan pelabur-pelabur asing, termasuk dua syarikat gergasi seperti *Tesla* dan *Amazon Web Service* disifatkan sebagai *game changer*.

"Ia juga dijangka mampu melonjakkan ekonomi dan daya saing Malaysia dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi di rantau ini dengan jumlah anggaran pelaburan berjumlah RM25.5 bilion bagi tempoh 15 tahun," ujarnya.

Jelasnya lagi, keterbukaan dan kesediaan Kerajaan Perpaduan untuk mendukung hak dan kebebasan bersuara juga bukan sekadar cakap kosong apabila komitmen itu telah dibuktikan dengan peningkatan

Pemaju bakal terima insentif bina Perumahan Madani

PEMAJU yang menjalankan projek rumah mampu milik di Kuala Lumpur akan menerima insentif sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan warga kota.

Setiausaha Politik Perdana Menteri, **Datuk Azman Abidin** berkata insentif itu termasuk yuran pembangunan yang lebih murah dan kepadatan yang lebih tinggi untuk projek mereka.

"Kami telah mengenal pasti beberapa tanah kosong di ibu negara,



KEPIMPINAN Anwar (tengah) mendapat sokongan padu daripada seluruh rakyat jelata sekali gus memudahkan perancangan dalam membangunkan ekonomi negara.

dan ia telah diperuntukkan untuk pembangunan, termasuk membina projek perumahan.

"Projek-projek ini adalah sebahagian daripada inisiatif Perumahan Madani dan disasarkan kepada golongan B40 dan M40," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media mengenai pewartaan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) di Menara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) baru-baru ini.

Azman berkata di bawah program insentif itu, pemaju yang menjalankan projek rumah mampu milik juga akan dibenarkan nisbah plot yang lebih tinggi.

"Sebagai contoh, mereka mungkin dibenarkan membina sehingga 1,400 unit setiap ekar," katanya, sambil menambah angka itu akan dikurangkan untuk projek yang lebih mahal.

Sementara itu, Azman berkata melalui pewartaan PSKL2040, pihaknya turut mengenal pasti beberapa tapak terbiar dan ia telah ditukar kepada zon komersial dan perindustrian.

Beliau juga menambah bahawa beberapa perumahan awam di Kuala Lumpur telah diperuntukkan untuk

kedudukan Malaysia di tangga ke-73 Indeks Kebebasan Media Dunia 2023 berdasarkan laporan *Reporters Without Borders* (RSF) berbanding di tangga ke-113 pada tahun sebelumnya.

Tambah beliau lagi, di sektor reformasi politik, selain kesepaduan yang dizahirkan di antara rakan gabungan dalam Kerajaan Perpaduan yang utuh dan sikap toleransi yang tinggi antara satu sama lain, di bawah pentadbiran baharu juga diperkenalkan beberapa inisiatif pembaharuan dalam kalangan ahli parlimen.

"Antaranya seperti sesi soal jawab PM dan bersama Menteri diperkenal, laporan audit negara dibahas dan tindakan tegas kepada ahli parlimen sekiranya menyentuh isu-isu 3R yang boleh mencetuskan sentimen ketegangan kaum di negara," jelasnya yang juga merupakan Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media UiTM. **WK**

program pembaharuan bandar. Azman berkata DBKL turut menerima lebih 1,000 bantahan berhubung PSKL2040 kebanyakannya mengenai perlindungan kawasan hijau dan kolam tadahan.

"Sesi pendengaran awam telah diadakan untuk mengumpulkan input daripada pihak berkepentingan, dan beberapa input mereka telah dimasukkan ke dalam rancangan itu," katanya.

Ujar Azman, orang ramai boleh mendapatkan salinan dokumen berharga RM120 di ibu pejabat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). **WK**

menjalankan projek rumah mampu milik juga akan dibenarkan nisbah plot yang lebih tinggi.

"Sebagai contoh, mereka mungkin dibenarkan membina sehingga 1,400 unit setiap ekar," katanya, sambil menambah angka itu akan dikurangkan untuk projek yang lebih mahal.

Sementara itu, Azman berkata melalui pewartaan PSKL2040, pihaknya turut mengenal pasti beberapa tapak terbiar dan ia telah ditukar kepada zon komersial dan perindustrian.

Beliau juga menambah bahawa beberapa perumahan awam di Kuala Lumpur telah diperuntukkan untuk

kedudukan Malaysia di tangga ke-73 Indeks Kebebasan Media Dunia 2023 berdasarkan laporan *Reporters Without Borders* (RSF) berbanding di tangga ke-113 pada tahun sebelumnya.

Tambah beliau lagi, di sektor reformasi politik, selain kesepaduan yang dizahirkan di antara rakan gabungan dalam Kerajaan Perpaduan yang utuh dan sikap toleransi yang tinggi antara satu sama lain, di bawah pentadbiran baharu juga diperkenalkan beberapa inisiatif pembaharuan dalam kalangan ahli parlimen.

"Antaranya seperti sesi soal jawab PM dan bersama Menteri diperkenal, laporan audit negara dibahas dan tindakan tegas kepada ahli parlimen sekiranya menyentuh isu-isu 3R yang boleh mencetuskan sentimen ketegangan kaum di negara," jelasnya yang juga merupakan Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media UiTM. **WK**

program pembaharuan bandar. Azman berkata DBKL turut menerima lebih 1,000 bantahan berhubung PSKL2040 kebanyakannya mengenai perlindungan kawasan hijau dan kolam tadahan.

"Sesi pendengaran awam telah diadakan untuk mengumpulkan input daripada pihak berkepentingan, dan beberapa input mereka telah dimasukkan ke dalam rancangan itu," katanya.

Ujar Azman, orang ramai boleh mendapatkan salinan dokumen berharga RM120 di ibu pejabat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). **WK**

menjalankan projek rumah mampu milik juga akan dibenarkan nisbah plot yang lebih tinggi.

"Sebagai contoh, mereka mungkin dibenarkan membina sehingga 1,400 unit setiap ekar," katanya, sambil menambah angka itu akan dikurangkan untuk projek yang lebih mahal.

Sementara itu, Azman berkata melalui pewartaan PSKL2040, pihaknya turut mengenal pasti beberapa tapak terbiar dan ia telah ditukar kepada zon komersial dan perindustrian.

Beliau juga menambah bahawa beberapa perumahan awam di Kuala Lumpur telah diperuntukkan untuk

kedudukan Malaysia di tangga ke-73 Indeks Kebebasan Media Dunia 2023 berdasarkan laporan *Reporters Without Borders* (RSF) berbanding di tangga ke-113 pada tahun sebelumnya.

Tambah beliau lagi, di sektor reformasi politik, selain kesepaduan yang dizahirkan di antara rakan gabungan dalam Kerajaan Perpaduan yang utuh dan sikap toleransi yang tinggi antara satu sama lain, di bawah pentadbiran baharu juga diperkenalkan beberapa inisiatif pembaharuan dalam kalangan ahli parlimen.

"Antaranya seperti sesi soal jawab PM dan bersama Menteri diperkenal, laporan audit negara dibahas dan tindakan tegas kepada ahli parlimen sekiranya menyentuh isu-isu 3R yang boleh mencetuskan sentimen ketegangan kaum di negara," jelasnya yang juga merupakan Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media UiTM. **WK**

program pembaharuan bandar. Azman berkata DBKL turut menerima lebih 1,000 bantahan berhubung PSKL2040 kebanyakannya mengenai perlindungan kawasan hijau dan kolam tadahan.

"Sesi pendengaran awam telah diadakan untuk mengumpulkan input daripada pihak berkepentingan, dan beberapa input mereka telah dimasukkan ke dalam rancangan itu," katanya.

Ujar Azman, orang ramai boleh mendapatkan salinan dokumen berharga RM120 di ibu pejabat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). **WK**

menjalankan projek rumah mampu milik juga akan dibenarkan nisbah plot yang lebih tinggi.

"Sebagai contoh, mereka mungkin dibenarkan membina sehingga 1,400 unit setiap ekar," katanya, sambil menambah angka itu akan dikurangkan untuk projek yang lebih mahal.

Sementara itu, Azman berkata melalui pewartaan PSKL2040, pihaknya turut mengenal pasti beberapa tapak terbiar dan ia telah ditukar kepada zon komersial dan perindustrian.

Beliau juga menambah bahawa beberapa perumahan awam di Kuala Lumpur telah diperuntukkan untuk

ANTARA MANFAAT UNTUK RAKYAT

RM2,000
Bayaran insentif awal untuk penjawat awam Gred 56 ke bawah, RM1,000 bagi pesara dan jawatan utama

RM55 juta
Subsidi elektrik untuk golongan miskin tegar sebanyak RM40 sebulan

RM100 juta
Kepada badan NGO yang membantu rakyat

RM2.47 bilion
Untuk Projek Perumahan Rakyat

The My50
Unlimited Travel Pass akan disambungkan

RM500
Kepada golongan muda yang membuat program dan kerja sukarelawan diiktiraf kerajaan

RM100 juta
Kepada pelajar yang tidak dapat sambung belajar disebabkan pandemik

RM10 juta
Untuk membantu rakyat Malaysia yang menjadi mangsa sindiket penipuan di luar negara

RM11.8 bilion
Untuk projek tebatan banjir

10% hingga 15% diskaun
Kepada pembayar hutang PTPTN

RM2.4 bilion
Untuk Pusat Kebajikan

RM50 juta
Untuk suri rumah di bawah Program e-Kasih

RM400 juta
Untuk projek keterjaminan makanan

RM200 juta
Untuk Program Payung Rahmah

RM10 bilion
Sumbangan Tunai Rahmah yang akan dimanfaatkan 60% rakyat Malaysia

RM100 sebulan
Kepada 700,000 penerima Sumbangan Asas Rahmah

RM1.2 bilion
Untuk membantu golongan OKU

Had siling yuran
Kemasukan Universiti Awam pada RM1,500

Akaun Fleksibel KWSP
Akan diperkenalkan

RM333 juta
Kepada Orang Asli

SUBSIDI
Harga ayam dan telur akan diapungkan



AZMAN

Dituduh sertai LI, PM tegas jangan politikkan isu tersebut

KECOH dalam media sosial sehingga ke hari ini apabila Parti Keadilan Rakyat (PKR) didakwa merupakan ahli pertubuhan Liberal International (LI).

Semua ini bermula apabila netizen mendapati nama dan logo PKR tertera sebagai ahli LI seperti terkandung dalam laman sesawang organisasi itu yang berpangkalan di London.

Ramai yang mempersoalkan tentang hal tersebut dan meluahkan perasaan tidak puas hati memandangkan LI menyokong penuh Israel yang sedang rakus membunuh orang Islam di Palestin.

Tampil menjawab persoalan yang berlegar saat ini, Presiden PKR, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** menafikan sekeras-sekerasnya tuduhan yang mendakwa PKR adalah ahli LI.

Beliau sebaliknya berkata PKR hanya pernah menjadi sekutu (*associate*) dan tidak lebih daripada itu.

Beliau yang juga Perdana Menteri, berkata parti tersebut membuat keputusan memutuskan hubungan dengan pertubuhan tersebut selepas tidak bersetuju dengan beberapa perkara, termasuk isu lesbian, gay, biseksual, dan transgender (LGBT) selain kekejaman rejim Israel.

Malah, beliau mengakui pernah menghadiri persidangan LI di Kaherah, Mesir, tetapi memilih untuk menggunakan pentas tersebut bagi membantah kekejaman Israel terhadap penduduk Palestin.

"Kita (PKR) tidak pernah jadi anggota, kita pada peringkat awal (tidak lebih daripada sekadar) *associate*. Tapi kerana ada beberapa keputusan mereka, termasuk



ANWAR menafikan tuduhan yang mendakwa PKR adalah ahli LI.

mengiktiraf LGBT dan pendirian terhadap Israel, kita tak jadi ahli.

"Jangan dipolitikkan, saya hadir dalam persidangan LI di Kaherah, dan saya memberi ucapan. Tetapi pada masa itu, ada wakil Kerajaan Mesir, Ayman Nour calon Presiden yang melawan Hosni Mubarak, dan ada juga wakil Ikhwanul Muslimin atau *Muslim Brotherhood*.

"Selepas itu saya jumpa Majlis Syura Ikhwanul Muslimin, saya berjumpa dengan Mursyidul Am mereka dan Dr Mohamed Morsi sebelum jadi Presiden Mesir.

"Mereka ikuti ucapan saya, Muhammad Mahdi Akef mengucapkan tahniah (mereka) kata Anwar hadir dalam LI dan nyatakan pendirian yang tegas, tentang kezaliman, hak kepada rakyat dan singgung soal Palestin," kata beliau lagi.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Ahmad Fadhlil Shaari (PN-Pasir Mas) sewaktu sidang Dewan Rakyat, yang ingin mengetahui hubungan sebenar PKR dengan LI, yang diketahui telah menyatakan pendirian menyokong Israel.

Mengulas lanjut, Anwar berkata hadir sebagai anggota atau sekutu kepada sesuatu pertubuhan yang berbeza pandangan dan pendirian, tidak bermaksud mereka menyokong seratus peratus pendirian pertubuhan tersebut.

"Jadi bayangkan berbeza dengan pendapat. Saya hadir betul, kita hadir di PBB, UN itu Israel juga anggota mereka, diiktiraf oleh PBB. Tapi kita hadir sebagai anggota, tak bermakna kita ada kena-mengena dengan Israel.

"Kita tak ada hubungan dengan

LI itu benar, oleh kerana pendirian dia soal LGBT kita tidak boleh sokong," katanya lagi.

Anwar berkata ASEAN sebagai contoh, mempunyai anggota yang berbeza pendirian mengenai isu Palestin, termasuk yang menyokong tindakan Amerika Syarikat dan Israel.

"Bila timbul masalah Israel, saya kata itu batas kita, tetapi rundingan dalam isu lain saya teruskan.

"Umpamanya dalam ASEAN, pendirian berbeza, sebagai contoh Filipina cenderung bersetuju dengan Amerika walaupun tidak sekeras itu, tetapi dalam hubungan dua hala masih baik.

"Dalam soal Palestin hanya Malaysia, Indonesia dan Brunei yang kuat sepakat, yang lain kita ada hubungan dan kita minta, sebagai contoh saya jumpa PM Thailand (Srettha Thavisin), saya minta kalau boleh jangan terlalu kuat dengan sentimen pro Amerika Syarikat, kerana ini akan singgung masyarakat Thailand dan Malaysia," katanya lagi.

Malah, Perdana Menteri berkata beliau turut mengambil peluang dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri Jepun Fumio Kishida baru-baru ini dan Malaysia menghargai pendirian Jepun yang menentang penempatan haram Israel di Palestin, biarpun sebelum ini cenderung menyokong AS dan Israel.

Diharapkan kenyataan Anwar sudah pun menjawab segala persoalan yang bermain selama ini. Sudah-sudahlah, jangan dipanjangkan isu tersebut, rasanya lebih elok jika fokus kepada saudara Islam di bumi Gaza yang sedang dalam kesusahan. **WK**

Didakwa berlakon atas nama Palestin, Fadhlina bukti ambil berat penderitaan umat Islam di bumi Gaza

TULAR dalam media sosial kononnya Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek hanya berlakon sedih apabila bercakap tentang Palestin dalam persidangan di Dewan Rakyat, baru-baru ini.

Malah, ada yang turut mengkritik Fadhlina dan berkata dia tidak perlu berlakon atas nama Palestin.

Bukan itu sahaja, Ahli Parlimen Pasir Mas, **Ahmad Fadhlil Shaari** menyuarakan kekecewaannya terhadap perkara itu.

"Tak perlu tampilkan emosi yang tak perlu di Dewan (Rakyat). Apa yang kita nak tanya (berkenaan) tak boleh takbir dan qunut nazilah di sekolah.

"Pada kami, ia ungkapan yang boleh diungkapkan seorang Muslim pada bila-bila masa. Perdana Menteri juga mengungkapkannya ketika himpunan solidariti di Stadium Axiata Arena sebelum



FADHLINA (dua dari kanan) semasa acara kemuncak dan penutup program yang berlangsung di Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya, baru-baru ini.

ini," kata Fadhlil.

Walaupun dihentam bertalu-talu namun apabila disentuh soal serius atau tidak dalam memperjuangkan nasib Palestin, Fadhlina menerusi kementerianannya membuktikan

komitmen serta peranannya dalam membantu rakyat Palestin.

Malah, beliau turut mendapat pujian ramai apabila Himpunan Solidariti Keamanan Sejagat anjuran Kementerian Pendidikan

Malaysia (KPM) berjaya mengutip sejumlah RM9.2 juta.

Kutipan itu diperoleh sepanjang Minggu Solidariti Palestin bermula pada 29 Oktober sehingga 3 November lalu dan melibatkan penyertaan ribuan institusi pendidikan di bawah KPM seluruh negara.

Ketua Setiausaha KPM, Datuk Nik Nasarudin Mohd Zawawi juga telah menyerahkan cek replika kepada Fadhlina semasa acara kemuncak dan penutup program yang berlangsung di Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya, baru-baru ini.

Nampaknya Fadhlina sudah pun menunjukkan usahanya untuk bersama-sama membantu rakyat Palestin di bumi Gaza. Rasanya, dalam waktu sekarang eloklah jika semua bertenang dan jangan suka menyalahkan antara satu sama lain. **WK**

MENARIK DI WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

11/11/23: Perlawanan Akhir Piala MFL antara JDT II dan Terengganu FC II @ Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras

11-12/11/23: Program Citra Malaysia Colours of Malaysia (COM 2023) @ ASWARA

10-31/12/23: Plant Success Story across climates @ Aquaria KLCC

10-31/12/23: Plant Success Stories @ Shark Parade, Aquaria KLCC

PUTRAJAYA



18/11/23: Putrajaya 10 Miles 2023 @ Jambatan Saujana

18/11/23: Singgah Seni 5 @ Dataran Putrajaya

18-20/11/23: Karnival Minggu Sains Negara & Malaysia Techlympics Peringkat Akhir Kebangsaan @ PPJ & Taman Pancarona

19/11/23: PERKESO Run & Ride 2023 @ Dataran Wawasan

2/12/23: KLSCCI Foodie Run 2023 @ Anjung Floria

9/12/23: Putrajaya Green Light Run @ Anjung Floria

LABUAN



26/11/23: Labuan Challenge 3.0 (Cycling) @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

2-3/12/23: Labuan E-Sport Festival @ Persatuan Sukan Elektronik Labuan

9/12/23: Labuan Superhero 2023 Fun Run @ Padang Dataran Labuan

2/10-31/12/23: Pembaharuan lesen perniagaan 2024 @ Wisma Perbadanan Labuan

31/12/23: International Character Costume Night Run @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan



Foto: SYUQREE DAIN

HAZIRAH HALIM

The Kaitz Flower Crochet terima sambutan hebat

SENI pembuatan krusye bercorak bunga atau lebih dikenali sebagai *flower crochet* merupakan antara seni jahitan tangan yang semakin popular dan mendapat permintaan tinggi dalam pasaran.

Rata-ratanya membuat tempahan bunga krusye ini sebagai barang hiasan, tanda penghargaan mahupun cenderamata kepada seseorang yang istimewa terutama ketika menyambut hari ulang tahun, hari perkahwinan atau meraikan konvokesyen.

Salah satu perniagaan bunga krusye yang semakin dikenali ramai ialah The Kaitz Flower Crochet yang menawarkan pelbagai jenis rekaan bunga yang pastinya menarik dengan harga yang berpatutan.

Berkongsi mengenai ini, **Nur Ezzaty Elyeany Mohd Yasin**, 26, berkata dia mempelajari ilmu mengait bermacam jenis barangan terutama bunga daripada platform *YouTube* semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2021.

"Pada awalnya, saya hanya belajar mengait secara suka-suka sahaja sebab tidak tahu hendak buat apa di rumah ketika PKP, kemudian saya masukkan produk yang telah siap dihasilkan ke dalam sosial media, *Instagram*, tiba-tiba kawan berminat untuk beli.

"Sejak itu, saya terus cuba membuatnya lagi dan tidak sangka ramai pula yang tempah. Pada ketika itu juga, saya ada berikan ia kepada pengarah media sosial, Tun Laila untuk bantu promosikan dan sekali lagi tidak sangka ia mendapat perhatian ramai.



NUR EZZATY menunjukan koleksi barangan yang diperbuat daripada seni krusye.

"Disebabkan video promosi tersebut tular, sejak itu saya tidak henti-henti mendapat tempahan terutamanya untuk bunga krusye lebih-lebih lagi ketika musim konvokesyen," katanya kepada *Wilayahku*.


Katanya, *YouTube* adalah rujukan

utama untuk mempelajari ilmu dan jenis-jenis rekaan produk krusye yang boleh dihasilkan.

"Saya bukanlah seorang yang pandai mengait. Sebelum terlibat dalam perniagaan ini, hari-hari saya akan praktis mengait dan *alhamdulillah* sudah banyak

produk terhasil dan kini saya boleh cipta rekaan mengikut kehendak pelanggan.

"Saya lebih gemar pelanggan membuat tempahan mengikut cita rasa mereka, misalnya saya akan beri contoh rekaan yang ada tetapi mereka boleh pilih ikut cita rasa



sendiri.

"Saya lebih gemar membuat beg tetapi produk yang selalu mendapat permintaan tinggi dan banyak terjual adalah bunga tulip krusye dan bunga konvokesyen. Hampir setiap bulan ada tempahan," katanya harga bergantung kepada jenis corak dan rekaan yang diminta oleh pelanggan.

Menurut Ezzaty, prinsip yang dipegang olehnya untuk menjalankan perniagaan ini adalah sentiasa memberikan yang terbaik kepada pelanggan selain menitikberatkan aspek kualiti dan kekemasan pada setiap produk krusye yang dihasilkan.

"Respons yang diterima daripada pelanggan sangat baik, rata-rata berpuas hati dengan cara *wrapping* dan kait kerana bagi mereka ia kemas, cantik dan teliti," ujarnya yang turut menawarkan pelbagai barangan krusye seperti beg tangan, rantai kunci, bantal dan lain-lain. **WK**

Hadkan tempahan demi kualiti



BAGI menjaga kualiti dan kekemasan produknya, Ezzaty menghadkan bilangan tempahan sekurang-kurangnya 10 buah kuntum bunga sahaja dalam tempoh seminggu.

Malah dia juga meminta pelanggan untuk membuat tempahan lebih awal sekurang-kurangnya 14 hingga 30 hari sebelum tarikh siap.

"Kebiasaannya, kalau saya ingin mengambil tempahan untuk bulan November, saya akan beritahu pelanggan dari bulan Oktober, ini bagi mengelakkan

tempahan bertindih.

"Kalau ada pelanggan yang membuat tempahan saat akhir, saya akan tolak untuk jaga kualiti tetapi jika mereka hendak juga, saya akan terima dan dikenakan caj lebih," katanya.

Dalam pada itu, Ezzaty berharap perniagaannya mendapat perhatian ramai dan berhasrat untuk membuka bengkel atau kelas krusye secara berkala di kafe bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk mempelajari seni kait berkenaan. **WK**



Teater Dang Anum terima sambutan hebat

Bakal dipentaskan di Indonesia



ANTARA babak dalam teater Dang Anum yang dipentaskan di Panggung Bandaraya Kuala Lumpur, Jalan Raja baru-baru ini.



ALONG (kanan) mewakili produksi Teater Dang Anum menyerahkan replika cek kepada wakil Cinta Gaza Malaysia.

DEEL ANJER

PEMENTASAN Teater Dang Anum terbitan Persatuan Seni & Budaya Redholah (The Redholah) di Panggung Bandaraya Kuala Lumpur, Jalan Raja baru-baru ini mendapat sambutan menggalakkan sekali gus ditawarkan untuk mengadakan jerayawara (*roadshow*) ke beberapa negeri dan luar negara.

Penerbit dan pengarah, **Amirul Haswendy Ashari** berkata tawaran itu muncul dari dalam kalangan peminat teater yang menghubungi The Redholah dan menyatakan minat untuk membawa naskhah tersebut ke beberapa lokasi terpilih.

"Ketika mendapat tahu mengenai tawaran itu, pihak persatuan agak terkejut dan terasa seperti mimpi namun bersyukur pihak

tersebut menawarkan kerjasama dan tajaan untuk membawa Teater Dang Anum ke beberapa negeri di Semenanjung.

"Lebih mengejutkan, pihak yang membuat tawaran itu mahu naskhah ini turut dipentaskan di Batam dan Riau, Indonesia. Sememangnya naskhah ini sangat dekat dengan masyarakat terutama bangsa Melayu yang tinggal di beberapa kepulauan Melayu di Batam dan Riau," ujarnya yang belum bersedia untuk mendedahkan pihak tersebut kerana mereka masih dalam proses perbincangan.

Amirul turut berterima kasih kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana

sokongan yang diberikan terutama dari segi lokasi pementasan.

"Ia tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa sokongan DBKL. Hasil daripada jualan pas masuk disalurkan kepada akaun Cinta Gaza Malaysia bagi membantu rakyat Palestin yang sedang dalam kesusahan," ujarnya.

Teater Dang Anum adalah projek teater pertama The Redholah di bawah Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Kolej Seni Kreatif, Pengajian Seni Persembahan, Universiti Teknologi Mara (UiTM).



AMIRUL

CERITA KEDAI KOPI

Hormati parkir OKU

PETAK parkir khas untuk Orang Kurang Upaya (OKU) bertujuan memudahkan golongan OKU meletak kenderaan, kerana itu di pusat beli-belah, hospital, kawasan Rehat dan Rawat (R&R) dan lain-lain, parkir untuk OKU disediakan.

Biasanya parkir khas ini terletak di tempat strategik untuk memudahkan OKU bergerak menuju ke destinasi. Misalnya di pusat beli-belah atau hospital, kawasan Rehat dan Rawat (R&R) dan lain-lain, parkir untuk OKU disediakan.

Namun yang mengecewakan kawan-kawan Kedai Kopi ialah parkir OKU ini sering diceroboh oleh orang yang tidak sepatutnya. Mereka tidak peduli meletakkan kenderaan di petak tersebut walaupun jelas ada tanda untuk OKU, juga amaran bagi yang sihat meletak kenderaan di situ.

Kenderaan OKU mempunyai pelek. Jika tiada, pemilik kenderaan mesti memperagakan kad OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di atas papan

pemuka atau *dashboard* kereta.

Namun daripada pemerhatian kawan-kawan Kedai Kopi, ada kenderaan yang diletak di parkir OKU tidak mempunyai kedua-duanya, pelek atau kad. Jelas ia bukan milik OKU tetapi orang sihat yang mengambil jalan mudah meletak kenderaan.

Tidak pasti sama ada pihak berkaitan ada melakukan rondaan dan pemeriksaan bagi memastikan hanya OKU sahaja dibenar meletak kenderaan di petak OKU. Jika menyediakan parkir khas maka wajarlah dipantau penggunaannya.

Jika perlu ambil tindakan drastik seperti mengunci tayar kenderaan. Kenakan denda untuk membuka kunci. Ini untuk memberi pengajaran agar lain kali jangan melakukan kesalahan sama. Hormatilah golongan OKU.

Di tempat lain pula, terdapat pemandu tidak bertanggungjawab yang menghalang kenderaan di parkir OKU. Contohnya yang pernah kawan-kawan Kedai Kopi lihat ialah parkir OKU di parkir bertingkat Pusat Rawatan Pakar Hospital Kuala Lumpur.

Petak parkir di pusat ini memang terhad. Kenderaan yang sampai apabila parkir penuh diletak berbaris di hadapan kereta yang siap diparkir. Namun gear mesti dalam kedudukan *free* atau *neutral*.

Tujuannya jika kereta yang diparkir hendak keluar, pemilik perlu menolak kereta yang menghalang untuk membolehkannya keluar. Biasanya lebih daripada satu kereta perlu ditolak bagi mendapat ruang cukup luas untuk keluar. Memang merimaskan kerja ini.

Namun sedihnya parkir OKU tidak terlepas. Akibatnya pemandu OKU perlu menolak kereta yang menghalang. Bayangkan sudahlah pemandu OKU, terpaksa pula menolak kenderaan. Tentu ini beban berat bagi mereka.

Kerana itu kawan-kawan Kedai Kopi berharap para pemandu amalkan sikap bertimbang rasa dan patuhi peraturan ruang parkir untuk OKU. Jangan diceroboh atau dihalang. Jadilah pemandu yang mempunyai kesedaran sivik yang tinggi.

Selamat Hari Deepavali

LUSA, hari Ahad 12 November, rakyat Malaysia keturunan India sekali lagi seperti tahun-tahun sebelumnya menyambut ketibaan Deepavali, hari perayaan yang disambut meriah.

Dalam konteks masyarakat Malaysia berbilang kaum, perayaan ini bukan sahaja terhad kepada masyarakat India. Seluruh rakyat Malaysia sama-sama meraikan. Suasana ini samalah seperti perayaan lain seperti Hari Raya

Aidilfitri dan Tahun Baharu Cina.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, semua ini menyerlahkan semangat perpaduan dan toleransi yang tinggi dalam kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini. Sesungguhnya aspek ini sangat penting untuk memupuk kerjasama membangunkan negara dan mensejahterakan rakyat.

Setiap daripada kita tentu mempunyai rakan-rakan kaum India. Ketika musim perayaan inilah waktu untuk mengunjungi mereka sebagai berkongsi kegembiraan. Sudah tentu pelbagai juadah menanti untuk dijamah.

Kawan-kawan Kedai Kopi sendiri tidak melepaskan peluang berkunjung ke rumah rakan. Malah sebelum perayaan pun rakan-rakan sudah mengingatkan agar jangan lupa datang ke rumah.

Selain rakan, guru atau pensyarah yang pernah mendidik kita wajar diziarahi. Mereka telah menabur jasa bakti mencurahkan ilmu sehingga kita menjadi apa yang ada hari ini. Tentu guru dan pensyarah ini berbesar hati jika anak didik ingat kepada mereka.

Oleh itu, bersama-sama lah menyambut Deepavali dalam suasana meriah dan persaudaraan. Sambil bergembira, eratkan hubungan serta tambah kenalan. Buktikan rakyat Malaysia sentiasa seiring jalan pada bila-bila dan di mana-mana. Selamat Hari Deepavali!

ANDA BERBAKAT MENULIS BERITA?

Hantarkan sebarang berita menarik yang berlaku di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya atau Labuan.

Berita yang dihantar mestilah disertakan dengan foto atau rakaman video.

Berita dan gambar/video yang terpilih akan disiarkan di akhbar dan platform media sosial Wilayahku.

Setiap kandungan yang tersiar akan menerima bayaran sugu hati dan berpeluang menjadi Wartawan Komuniti (WK) Wilayahku.

Pastikan kiriman anda adalah asli dan tidak pernah disiarkan di mana-mana platform media lain.

Hantarkan kepada:

editorwilayahku@gmail.com



Hidup sebelum era digital



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

GENERASI yang lahir selepas tahun 1990-an adalah kelompok anak muda pada hari ini. Mereka adalah generasi yang menyambut kemunculan era digital yang bersamanya ledakan maklumat dan telefon pintar menambahkan satu lagi keperluan hidup.

Mereka yang kini berusia lingkungan 30-an tentunya terlepas menikmati pengalaman menjadi anak muda era sebelum kemunculan Internet, digital dan media sosial. Itulah era perhubungan secara konvensional - pondok telefon awam dan duit syiling.

Antara dua era itu telah berlaku banyak perubahan – terutama sekali teknologi. Ledakan teknologi menjadi pemangkin perubahan sosial dalam kalangan anak muda. Mereka menjengah era yang kehidupan manusia dibentuk oleh kepesatan teknologi dan lebuhraya maklumat.

Semua itu tidak pernah dibayangkan oleh generasi muda pada era sebelumnya. Generasi anak muda era saya misalnya hanya tahu teknologi tercanggih adalah telefon, televisyen dan radio. Tidak pernah membayangkan yang dunia boleh berada di telapak tangan.

Generasi anak muda masa kini pula tidak dapat membayangkan peralatan tercanggih dalam kerjaya saya adalah mesin taip. Ia menjadi alat penting dalam dunia persuratkhabaran dan untuk kerja-kerja di pejabat. Malah ada yang tidak pernah melihat mesin taip apabila komputer atau tablet mengambil tempat.

Ketika itulah tumbuh dengan banyaknya kelas trengkas dan menaip sebagai persiapan untuk memasuki bidang pekerjaan. Hal itu kerana dalam temu duga untuk jawatan tertentu seperti kerani memerlukan kepantasan menaip. Belum wujud lagi istilah *copy and paste*.

Ada yang bertanya, apakah yang dibuat oleh anak muda pada era sebelum kewujudan media sosial dan Internet? Ketika ini media sosial telah mengambil banyak masa anak muda dalam bersosial secara maya. Mereka tidak dapat membayangkan hidup tanpa media sosial dan telefon pintar.

“Apakah orang muda duhulu buat ketika berjumpa kawan-kawan atau keluar bersama-sama



KETIKA ini media sosial telah mengambil banyak masa anak muda dalam bersosial secara maya. - Gambar hiasan

keluarga?” tanya seorang anak muda yang berusia akhir 20-an ketika kami bertegur sapa di sebuah kedai buku di Kuala Lumpur. Dia kelihatan ingin mengetahui akan keadaan sosial pada tahun 1980-an dan 1990-an.

Saya beritahu, “Kami bebas daripada gangguan media sosial dan telefon pintar. Ketika itulah kami berbual tentang banyak perkara yang berlaku dalam lingkaran sosial setempat juga di dunia antarabangsa. Kami berbual tentang pertelagahan dan pembersihan etnik di Bosnia awal 1990-an.”

“Berat juga topik perbualan orang muda zaman dulu,” katanya yang tidak tahu berlaku pembunuhan pembersihan etnik pada akhir abad ke-20 itu. Hanya pernah mendengar nama Bosnia, akan tetapi tidak terbayang dahsyatnya tragedi di negara Islam itu.

Dia memandang tepat kepada saya apabila saya berkata anak muda sebelum mereka ikut berfikir dan berdiskusi tentang pergolakan di seluruh pelosok dunia. Saya menyakinkan dia bahawa era itu masa anak muda belum dicuri oleh teknologi digital.

Sebelum ini kalau melepak dengan kawan-kawan pun sudah seperti acara diskusi – bercakap hal-hal di luar lingkaran diri sekalipun laluan untuk mendapat maklumat sangat terhad. Malah susah untuk mendapat bahan

bacaan yang bermutu kecuali memerap di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di Jalan Raja Laut.

Anak muda di Kuala Lumpur zaman dahulu mempunyai rasa yang agak tinggi terhadap hal-hal yang bersangkutan dengan seni dan budaya. Selain golongan anak muda yang menggemari budaya pop seperti muzik, banyak juga yang membina apresiasi terhadap seni.

Mereka itulah yang memenuhi ruang panggung setiap kali pementasan teater. Terdedah dengan karya-karya agak berat dan itulah bahan yang dibawa ke warung ketika bersembang. Saya selalu terkenang zaman itu yang memberikan banyak ilham dalam kerjaya kewartawanan.

Tidak banyak bahan yang menjurus pada hiburan berkualiti rendah. Kalau ada pun sumbernya daripada majalah-majalah hiburan. Generasi anak muda sezaman saya di Kuala Lumpur agak beruntung kerana stesen televisyen – RTM dan TV3 tidak terlalu dibumbui dengan kandungan bercorak hiburan murahan.

Pada zaman itu paling membuang masa pun hanya melepak di tepi tembok atau tangga pusat membeli-belah sambil memperagakan motor kapcai masing-masing. Antara kawasan yang menjadi tumpuan penunggang kapcai melepak ialah Kompleks Pertama, Kompleks Campbell, Dayabumi dan Ampang Park.

Saya fikir orang muda ketika itu agak beruntung kerana masa mereka tidak terbuang dengan percuma - misalnya lebih lima jam sehari di telefon pintar. Orang muda sekarang lebih banyak melihat skrin telefon daripada melihat muka kawan ketika bersembang.

Pada sudut yang lain pula, anak muda sekarang sangat beruntung kerana dunia berada dalam telapak tangan mereka. Era anak muda masa kini dunia menjadi sangat ‘kecil’, semua yang berlaku diketahui pada masa itu juga.

Berbanding generasi saya dahulu, akses kami adalah sangat terhad. Untuk membaca surat khabar harian dari luar negara kena menunggu seminggu untuk sampai ke kedai buku. Itu pun harganya sangat mahal dan tidak mampu membeli.

Sekarang anak muda beruntung sekiranya memanfaatkan kecanggihan teknologi berada dalam di telapak tangan. Mudah sekali untuk membaca bahan bacaan dari luar negara. Surat khabar harian dalam talian dari luar negara meluaskan jangkauan alam fikir selain bahan-bahan tempatan.

Adalah satu pemandangan biasa apabila sekumpulan anak muda sekarang melepak di restoran. Mereka tidak banyak bercakap kerana semuanya bersembang dengan rakan di alam maya.

Saya secara peribadi gembira dengan kepesatan teknologi digital.

Akan tetapi semua itu seperti sebilah garfu – kalau disalah guna boleh mendatangkan kerosakan dan bahaya. Misalnya usia muda yang berharga dihabiskan secara sia-sia untuk mengunyah sampah sarap yang bertebaran di alam maya.

Tidak ada istilah terlambat untuk berubah. Bertekad dan mulakan dengan iltizam baharu untuk menguasai dan memanfaatkan, bukannya membiarkan diri kita dikuasai oleh ledakan digital.



EPISOD DUNIAWI

*Matanya, intrapersonal
interpretasi babad
datang seorang duniaui
manisnya aroma
ada teka-teki
di hatinya.*

*Akal-akal senja
hidup menghirup pelangi
arca manusia
ada nyawa
tetapi terlupa
itu episod, sementara!*

SOLIHIN OSMAN
Dangay Seni, Kangar.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA
DAN INFORMASI TERKINI!



Program Jom Kenali Usus Anda

200 peserta jalani saringan kanser

HAZIRAH HALIM

SERAMAI 200 orang peserta terdiri daripada penduduk sekitar Setiawangsa, Wangsa Maju dan Titiwangsa menyertai Program Jom Kenali Usus Anda yang diadakan di Dewan Serbaguna, Perumahan Awam (PA) Desa Rejang, Setapak, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Kempen kesihatan anjuran pengeluar minuman probiotik terkenal, Yakult Sdn Bhd bersama Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran secara keseluruhan dalam komuniti.

Pengarah Urusan Yakult Malaysia, **Hiroki Yanase** berkata tujuan utamanya adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kesihatan usus.

“Ia bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kesihatan usus dalam kalangan komuniti yang berusia 45 tahun ke atas di mana mereka lebih berisiko tinggi untuk mendapat kanser kolorektal.

“Usus kita mempunyai pelbagai



HIROKI (tiga dari kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil pempamer. Turut sama, **Ida Harlina** (kiri).

fungsi termasuklah penghadaman, penyerapan nutrien dan perkumuhan bahan buangan. Oleh itu, usus yang sihat memainkan peranan yang sangat penting untuk kesihatan.

“Tabiat pemakanan yang kurang baik, tekanan, gaya hidup yang tidak

sihat, pengambilan ubat-ubatan tertentu dan faktor penuaan boleh mengganggu fungsi usus,” ujarnya ketika ditemui pada Program Jom Kenali Usus Anda, Sabtu lalu.

Tambahnya, perkara tersebut boleh menyebabkan ketidakseimbangan bakteria

dalam usus seperti terlalu banyak bakteria jahat atau berbahaya mula membiak.

“Jika dibiarkan tanpa rawatan, ia akan membawa kepada masalah penghadaman seperti cirit-birit, sembelit dan mungkin boleh membawa kepada masalah yang lebih serius seperti kanser,” katanya.

Dalam masa yang sama, beliau turut berterima kasih kepada semua agensi kerajaan dan pempamer atas sokongan yang diberikan serta bantuan untuk pihak Yakult mendekati komuniti berpendapatan rendah (B40).

Antara pempamer yang terlibat adalah daripada Pejabat Kesihatan Daerah Titiwangsa, Majlis Kanser Nasional Malaysia (MAKNA), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Persatuan Suri dan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM).

Turut hadir, Timbalan Pengurus Besar Jabatan Komuniti, Komunikasi Strategik dan IT YWP, Datin Ida Harlina Ikhwani Nasir

Info

ADUAN**DBKL**

Tel : 03-2617 9000

Perbadanan Putrajaya

Tel : 03-8887 7000

Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan

Tel : 087-408600

Aduan : 087-408852

Jabatan Agama Islam KL

03-2274 9333

Jabatan Agama Islam**Putrajaya**

03-8884 2600

Jabatan Agama Islam**Labuan**

087-415 311

Wilayahku

WhatsApp

: 011-5958 7489

yang mewakili Pengarah Eksekutif YWP, Abdul Rahman Siraj.

Bagi mengetahui lebih lanjut mengenai aktiviti Yakult, boleh layari laman sesawang Yakult di www.yakult.com.my. **WK**

RM100,000 disalur kepada komuniti India Cheras sempena Deepavali

DIANA AMIR

PARLIMEN Cheras dengan kerjasama Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) memperuntukkan sejumlah RM100,000 bagi membantu keluarga India yang terpilih khususnya dalam kalangan miskin tegar sebagai persediaan bagi menyambut perayaan Deepavali.

Menurut Ahli Parlimen Cheras, **Tan Kok Wai**, bantuan tersebut adalah untuk membantu meringankan beban mereka yang terjejas dengan ekonomi kini sekali gus memudahkan persiapan raya dilakukan.

“Kira-kira 500 keluarga terdiri daripada miskin tegar, pelajar sekolah dan pemandu teksi telah dipilih sebagai penerima sumbangan berbentuk e-baucar yang bernilai RM200. Dengan baucar tersebut mereka boleh berbelanja di mana-mana kedai 99 Speedmart bagi



KOK WAI (tengah) bersama komuniti India Cheras yang menerima sumbangan sempena perayaan Deepavali.

membeli barang keperluan.

“Selain itu, program ini juga selaras dengan hasrat kerajaan dalam membasmi miskin tegar di sekitar Wilayah Persekutuan,” katanya kepada *Wilayahku* sejurus Majlis Penyampaian Bantuan Kasih Deepavali yang diadakan bertempat di Wisma KTC, Kuala Lumpur pada baru-baru ini.

Kok Wai berkata golongan pemandu teksi dipilih memandangkan mereka juga merupakan antara golongan terjejas selepas pandemik COVID-19 melanda negara.

“Seperti kita tahu teksi kurang mendapat permintaan selepas wujudnya *Grab* sebagai salah satu pesaing tambahan menyebabkan

golongan ini sukar untuk mencari makan. Justeru itu, kita berbesar hati untuk turut membantu mereka.

“Selain itu, pelajar sekolah juga turut dipilih bukan sahaja daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil sahaja malah Sekolah Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina turut dipilih,” ujarnya.

Sementara itu, Pengurus Kawasan Parlimen Cheras Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Rozlin Abdullah berkata bantuan ini turut disampaikan oleh parlimen lain di sekitar Kuala Lumpur bagi memastikan golongan berkenaan dapat bersama-sama meraikan sambutan Deepavali pada kali ini.

“Setiap 11 parlimen di Kuala Lumpur telah diperuntukkan untuk sumbangan dan ia disampaikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur sendiri.

“Bantuan yang diberikan ini juga berbentuk jangka masa pendek kerana dalam usaha untuk membasmi miskin tegar ia memerlukan satu program panjang serta insentif lain bagi memastikan masalah tersebut betul-betul dapat diatasi,” jelasnya inisiatif seperti ini merupakan langkah yang baik bagi meringankan beban mereka memerlukan serta memastikan perayaan Deepavali dapat disambut dengan meriah. **WK**

Gemerlapan Taman Cahaya di Suria KLCC

DEKORASI kolam interaktif bersaiz 20 kaki bakal menyambut pengunjung di Centre Court Suria KLCC bersempena perayaan Deepavali yang akan disambut pada Ahad ini.

Bertemakan Gemerlapan Taman Cahaya, pengunjung Suria KLCC berpeluang menikmati suasana yang mempesona dengan rekaan taman yang dihiasi bunga-bunga indah dan hayunan buaian yang pastinya menjadi tarikan untuk merakam detik indah bermula 3 sehingga 15 November 2023.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Suria KLCC Sdn Bhd, **Andrew Brien**, suasana bakal dimeriahkan lagi dengan hiasan sebuah replika burung merak setinggi tujuh kaki.

“Diilhamkan daripada bunga tiruan serta beras berwarna yang seolah-olah hidup, ekor interaktif sepanjang 32 kaki itu mampu berkembang penuh gemalai dan bergemerlapan mengikut interaksi pengunjung.

“Hiasan berwarna-warni beserta penataan lampu dan kesan bunyi bakal

membangkitkan semangat perayaan cahaya ini,” katanya menerusi satu kenyataan media baru-baru ini.

Andrew berkata pada hujung minggu pula para pengunjung bakal disajikan dengan persembahan tarian tradisional kaum India di bahagian tengah pusat beli-belah.

“Pembeli yang membuat pembelian berjumlah RM600 atau lebih dalam dua resit di mana-mana kedai terpilih akan memperoleh e-baucar membeli-belah Suria KLCC bernilai RM50,” ujarnya. **WK**



DEKORASI indah sempena perayaan Deepavali.

WK2

Bil 236 . 10 - 16 NOVEMBER 2023

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

Martabat kelestarian kraf tangan negara

Foto: AMINULLAH FARIJ HASSAN /WK



Himpun acuan tradisional warisan nenek moyang



Foto: AMINULLAH FARU

HAZIRAH HALIM

PENGLIBATAN pelbagai kaum dalam penghasilan produk kraf mampu mewujudkan perpaduan melalui penciptaan dan perkongsian karya yang menonjolkan identiti setiap etnik masyarakat di Malaysia.

Untuk itu, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) mengambil inisiatif berkongsi idea dalam pembangunan produk kraf baharu serta memberi pengetahuan kepada masyarakat menerusi Program PASAREKA 2023.

Menghimpunkan aktiviti seni kreatif dan reka bentuk yang merangkumi aktiviti pembangunan produk, perkongsian kreatif, pameran dan jualan kraf, PASAREKA dilihat sebagai pemangkin dalam membudayakan nilai reka bentuk produk yang kreatif dan inovatif ke arah pementapan industri kraf negara.

Pengarah Kanan Bahagian Rekaan dan Penyelidikan, Kraftangan Malaysia, **Khairul Hafizi Naharuddin** berkata PASAREKA 2023 merupakan penganjuran kali keenam sejak mula dilaksanakan pada tahun 2017 bertepatan Hari Kraf Malaysia.

"Pada tahun ini pelbagai aktiviti menarik disajikan seperti pameran, perkongsian idea kreatif seperti Projek Sembang Reka, Projek Bentuk-Bentuk, Projek Reka Kraf, Projek Pereka Cipta termasuk Projek Camca dan Jualan kraf.

"Uniknya kali ini menampilkan Projek Camca iaitu demonstrasi masakan yang menegangkan penggunaan produk kraf dalam penghasilan makanan seperti kuih lompong, kuih bakar, onde-onde, semperit, kuih cara, roti jala dan kuah kari, agar-agar dan cendol," katanya.

Khairul Hafizi berkata projek camca lebih istimewa kerana masakan tersebut menggunakan pelbagai jenis produk kraf seperti tembaga, seramik dan rotan serta ia dihasilkan sendiri oleh pereka-pereka produk kraf berkenaan.

"Antara koleksi produk seramik yang boleh

dilihat pengunjung adalah mangkuk adunan seramik, acuan tembaga, penapis rotan, tempurung dan sebagainya.

"Pengunjung bukan sahaja dapat lihat cara masakan menggunakan produk barangan kraf tersebut malah ia juga secara tidak langsung dapat mempromosikan kembali produk yang suatu ketika dahulu pernah digunakan oleh nenek moyang kita," katanya ketika ditemui Wilayahku di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Jalan Conlay baru-baru ini.

Dalam pada itu, Khairul Hafizi berharap program seumpama ini dapat membantu melonjakkan lagi industri kraf tempatan selain turut menyeru orang ramai agar terus memberi sokongan terhadap apa jua program yang dianjurkan oleh Kraftangan Malaysia.



KHAIRUL HAFIZI

"Kita juga tampilkan 15 usahawan kraf yang berdaftar dengan Kraftangan Malaysia dan Alumni Institut Kraf Negara (IKN) yang telah berjaya menjadi usahawan kraf di mana ia terdiri daripada lima bidang kraf iaitu hasil rimba, tekstil, tanah, logam dan aneka kraf.

"PASAREKA juga memberi peluang kepada orang ramai untuk bertemu dan melihat pameran produk kraf daripada tiga orang Tokoh Kraf

Negara dan lapan orang Adiguru Kraf antaranya Habibah Zikri (Tokoh Kraf Songket), Norhaiza Noordin (Tokoh Kraf Ukiran kayu), Kelsom Abdullah (Tokoh Kraf Ukiran Pandan/ Mengkuang) dan ramai lagi," katanya.

Tambah Khairul Hafizi, ia juga menampilkan pameran produk-produk daripada pelajar IKN, Alumni dan Tenaga Pengajar IKN, Designer Highlight, Korporat IKTPD, dan Korporat IKN.

"Pameran produk koleksi pelajar IKN dan Produk Alumni dan Tenaga Pengajar IKN menampilkan produk terbaik daripada pelajar dari tahun 2021 hingga 2022 menerusi enam jenis jurusan iaitu seni kraf kayu, batik, tenun, seramik, logam dan rotan.

"Designer Highlight adalah pameran yang menampilkan koleksi produk Pereka (Alumni IKN) yang sedang berkhidmat di Kraftangan seluruh Malaysia manakala Pameran Korporat IKTPD dan Korporat IKN pula menegangkan komponen pengajian, keistimewaan dan kelebihan yang terdapat di kedua-dua institut tersebut," ujarnya. **WK**



PAMERAN seni kraf logam antara keunikan yang ditampilkan oleh pelajar IKN.

Tonjol keunikan seni kraf batik, kayu

PELAJAR Institut Kraf Negara (IKN), **Nur Hanani Ridzuan**, 20, teruja berpeluang menonjolkan keistimewaan dan keunikan seni kraf batik kepada orang ramai.

Dia berkata ia merupakan pengalaman pertama buatnya apabila diberi peluang menghasilkan seni lukisan batik bercorak imej fotografi di hadapan orang ramai.

"Saya sangat teruja apabila pengunjung bertanyakan tentang seni lukisan ini di samping dapat berkongsi maklumat mengikut kefahaman dengan mereka.

"Untuk menghasilkan lukisan imej fotografi tidaklah sukar namun ia mengambil masa yang panjang hampir dua minggu kerana ia mempunyai banyak proses selain perlu ketelitian dalam menghasilkannya," katanya yang akan menamatkan sesi pengajian di IKN tahun hadapan.

Tambahnya, IKN adalah institusi pengajian

yang terbaik khususnya kepada mereka yang meminati dan ingin menceburi bidang seni serta memberi peluang dan menyediakan platform pekerjaan kepada graduan yang telah menamatkan pengajian.

Sementara itu, pelajar jurusan seni kraf kayu, **Muhammad Nazreen Hazam Razak**, 18, berkata dia juga berasa teruja apabila dapat menyebarkan tentang keunikan seni ukiran kayu kepada orang ramai meskipun masih mentah dalam bidang seni tersebut.

"IKN memberi ruang dan peluang kepada saya untuk mempelajari dan menyerlahkan bakat terhadap bidang seni. Pada awalnya, saya tidak meminati bidang seni kayu dan lebih minat pada seni logam, namun atas berkat doa ibu bapa dan guru-guru, saya semakin faham dan pembelajaran juga lebih mudah," katanya yang menuntut pengajian di IKN Rawang. **WK**



HANANI menunjukkan teknik menghasilkan lukisan batik bercorak imej fotografi.



82 peratus graduan IKN berjaya tembusi pasaran kerja

MENTERI Pelancongan, Seni dan Budaya, **Datuk Seri Tiong King Sing** mengucapkan syabas dan tahniah kepada graduan yang berjaya menamatkan pengajian di pelbagai peringkat termasuk ibu bapa dan keluarga yang sentiasa memberi dorongan kepada para graduan sehingga mencapai kecemerlangan dalam akademik.

"Saya berasa bangga kerana IKN menunjukkan pencapaian yang setara dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam aspek kebolehpasaran graduan.

"Semenjak tahun 2001 hingga 2022, IKN berjaya melahirkan seramai 2,892 orang graduan dan Data Pengesanan Graduan IKN turut menunjukkan 82 peratus graduan berjaya menembusi pasaran pekerjaan dalam pelbagai bidang.

"Saya percaya keusahawan dalam bidang kraf dapat menjana pendapatan. Ini dapat dilihat menerusi jualan kraf sehingga September 2023 yang mencapai RM250.1 juta berbanding tahun 2022 iaitu RM211 juta sekali gus menunjukkan peningkatan sebanyak 19 peratus," katanya

menerusi teks yang dibacakan Ketua Setiausaha MOTAC, **Datuk Roslan Abdul Rahman**.

Jelasnya, bagi menyokong perkara ini, kerajaan akan memperkenalkan Program Komuniti MADANI di bawah seliaan Unit Penyerlarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri untuk merancakkan sektor jahitan dan kraf tangan dengan peruntukan RM1 bilion bagi menyediakan geran antara RM50,000 hingga RM100,000.

Sementara itu, penuntut Anugerah Graduan Terbaik Keseluruhan di Institut Kraf Negara (IKN) bagi jurusan Diploma Seni Kraf Kayu, **Mohamad Amirul Shafiq Shaari**, 22, mengakui prinsip terus berusaha lebih daripada orang lain membolehkannya memperoleh kejayaan cemerlang.

Amirul menerima anugerah itu pada Istiadat Konvokesyen Institut Kraf Negara (IKN) kali ke-21 yang berlangsung pada 2 November di Panggung Sari, Kompleks Kraf Kuala Lumpur.

Susulan kejayaan itu, Amirul menerima sebuah trofi, medal dan sijil daripada IKN.

"Saya berpegang teguh dengan prinsip tersebut untuk memberikan keputusan cemerlang dan terbaik kepada kedua ibu bapa termasuk guru-guru serta diri sendiri.

"Saya bukanlah golongan yang bijak pandai tetapi saya sentiasa ingat pesanan ibu dan ayah yang mengatakan tidak pandai mana seseorang itu, jika dia berusaha maka ia akan dapat hasilnya.

"Alhamdulillah, dengan prinsip tersebut juga, saya berjaya mendapat keputusan cemerlang 4 flat sebanyak tiga kali," katanya dia sudah mendapat tawaran daripada pihak Kraftangan Malaysia untuk membuka inkubator di Temerloh, Pahang.

Terdahulu, seramai 115 graduan diraikan pada Istiadat Konvokesyen berkenaan.

Seramai tiga orang graduan turut dinobatkan sebagai penerima Anugerah Graduan Terbaik Keseluruhan iaitu **Mohamad Amirul Shafiq Shaari** bagi program Diploma Seni Kraf Kayu, **Izhar Hakimi Isrunisyam** (Sijil Seni Kraf Kayu) dan **Fatimah Nadia Mohd Puldin @ Amir** (SKM Penyelia Tenunan Songket dan Daster). **WK**



AMIRUL menerima Anugerah Graduan Terbaik Keseluruhan IKN 2023.





Pesta Cahaya, kebaikan terhadap kejahatan



SHUAIB AYOB

MENJELANG perayaan Deepavali, kerlipan lampu-lampu dan pakaian yang bewarna-warni menghiasi setiap ruang kedai di Little India, Jalan Brickfields, Kuala Lumpur.

Lokasi yang menjadi syurga membeli-belah untuk penganut

agama Hindu itu sering menjadi tumpuan bagi membuat persediaan menyambut pesta cahaya yang diraikan penuh kegembiraan dan kesyukuran seisi keluarga.

Bagi masyarakat India, pesta cahaya yang diraikan itu simbolik terhadap melawan kegelapan, menyemai kebaikan berbanding kejahatan dan memberi pengetahuan berbanding kejahilan.

Lensa *Wilayahku* sempat merakam kemeriahan dan suasana riuh-rendah masyarakat India yang sibuk menyediakan keperluan dan persiapan Deepavali pada tahun ini.

Perayaan pesta cahaya yang bakal disambut hujung minggu ini pasti memberi makna berbeza untuk setiap orang dan semoga kita terus hidup dalam keadaan aman, sejahtera serta bersatu padu. **WK**



SEORANG pengunjung sedang memilih perhiasan untuk persiapan menyambut Deepavali.



SALAH seorang peniaga tekun menyiapkan kalungan bunga untuk dijual kepada pelanggan di Little India Kuala Lumpur.



PENGUNJUNG sedang memilih hiasan yang terdapat di Little India Kuala Lumpur.



"Gelaran nombor satu tak penting pun" — Siti Nurhaliza



DEEL ANJER

PENYANYI terkenal tanah air, **Datuk Seri Siti Nurhaliza** menyatakan beliau tidak pernah melabelkan dirinya sebagai penyanyi nombor satu negara.

Menurut Siti atau nama sebenarnya Siti Nurhaliza Tarudin, 44, dia tidak menganggap gelaran tersebut sebagai perkara yang penting.

Bagi pelantun lagu Romansa Kita dan Magis ini, perkara yang paling penting

adalah kesungguhan serta kualiti yang perlu diutamakan sekali gus membuatkan peminat berpuas hati dengan persembahan serta kualiti kerja yang dipamerkan.

"Saya tidak pernah pun nak tempatkan diri saya di tangga pertama dan tidak penting pun.

"Bagi saya, kerja keras dan berkualiti, peminat berpuas hati dan saya buat orang bahagia itu adalah perkara yang lebih menggembirakan," katanya.

Dalam masa yang sama, Siti juga mengakui banyak bakat baharu yang hebat dan mereka boleh mencapai apa yang diinginkan.

"Saya akui saya tidak belajar muzik dan vokal, tak pandai main alat muzik, saya ada *rythm* dalam diri saya.

"Aina Abdul, Ernie Zakri, Nadeera Zaini, saya memang kagum dengan kebolehan mereka sebab mereka memang belajar (muzik). Sekarang ini sesiapa sahaja boleh berada di tahap yang mereka mahukan. Sama ada nombor satu atau sebagainya," ujarnya lagi.

Terdahulu, kecoh dalam media sosial apabila timbul dakwaan mengatakan peminat Aina Abdul mahukan 'takhta' penyanyi nombor satu diberikan kepada Siti Nurhaliza.

WK



SITI NURHALIZA

Ernie Zakri beri inspirasi, semangat

PENYANYI Ernie Zakri mengakui tanggungjawab sebagai penyanyi bukanlah sekadar menghiburkan, malah lebih jauh daripada itu.

Bagi Ernie, dia selalu mengimpikan mahu memberi inspirasi kepada masyarakat terutamanya para peminatnya.

Untuk itu, Ernie kini muncul dengan album Aura yang membawa pesan tentang peneguhan diri dan sikap positif.

Ia diolah kemas khas oleh Ernie sendiri untuk memberi keyakinan kepada mereka yang berasa terluka dalam menghadapi kehidupan harian.

Ernie mengingatkan bahawa setiap yang berlaku dalam hidup ini adalah takdir yang sudah tersusun dan bertujuan memberikan kesedaran untuk menerima segala kekurangan tanpa rasa takut.

"Aura sangat istimewa kerana ia menceritakan tentang sumber kekuatan seseorang. Semua lagu dalam album ini berkisahkan nasihat, motivasi dan sumber kekuatan untuk insan yang memerlukan semangat.

"Sebagai pembuka cerita kepada album ini, lagu berjudul Masing-Masing diberi penghormatan menjadi *single* pertama untuk memperkenalkan Aura," katanya.

Masing-Masing adalah sebuah lagu galau bertemakan putus cinta yang digubah dan ditulis oleh Ade dari kumpulan Govinda bersama Nabila V, menyingkap sebuah kisah tersendiri serta memeluk hati setiap yang mendengar.

"Saya dan Mas Ade berpendapat untuk menghasilkan lagu galau dengan kisah putus cinta yang sedikit berbeza.

"Masing-Masing mengisahkan pasangan yang terpaksa meneruskan kehidupan mereka dengan cara berpisah demi mencari kebahagiaan diri sendiri. Tidak semua perpisahan tentang pertengkaran atau pergaduhan.

"Ada perpisahan yang berlaku atas persetujuan kedua-dua pihak demi mencapai kebahagiaan sendiri. Saya tahu ramai rakyat Malaysia yang suka lagu galau sebegini," katanya.

Terdahulu, pembikinan Aura memabitkan ramai komposer dan penerbit serta mengambil masa perancangan sekitar setahun kerana Ernie mempunyai beberapa permintaan khas.

"Saya yang meminta sendiri lagu daripada penulis serta pencipta yang terbabit dalam

album ini. Proses rakaman kesemua lagu juga memakan waktu sekitar tiga hingga empat bulan untuk disiapkan.

"Jadi saya harap para pendengar akan dapat memahami apa yang saya cuba sampaikan di dalam album ini. Semoga ia menjadi teman buat mereka yang memerlukan semangat serta kekuatan itu," ujarnya lagi.

Album ini menampilkan 10 buah lagu dengan pembabit nama-nama besar industri muzik serantau seperti Aubrey Suwito, Ezra Kong, Faizal Tahir, Amylea Azizan, Rozi Sangdewi, Helen Yap, Firdaus Rahmat, John Jeeves, Ade Govinda dan beberapa orang lagi.

Aura yang sudah berada di semua platform digital pada 3 November lalu turut menampilkan suami Ernie sendiri, Syamel yang menyumbangkan lagu Jangan Hilang Percaya. WK



ERNIE ZAKRI

"Jangan ajar tentang sejarah negaraku" — Uyaina Arshad

PENGACARA popular **Uyaina Arshad** menempelak tuduhan melalui seorang netizen Indonesia yang sewenang-wenangnya mendakwa kemerdekaan Malaysia diraih hasil 'pemberian' mudah penjajah iaitu British.

Menerusi hantaran yang dimuat naik Uyaina dalam *Instagram* miliknya, personaliti berusia 30 tahun itu berkongsi mengenai kemerdekaan yang dituntut penduduk Palestin terhadap penjajahan Israel.

"Malaysia merdeka kerana pemberian, bukan kerana perang melawan Inggeris (British). Perdamaian diperlukan untuk Hamas vs Israel," tulis netizen tersebut.

"Saya rasa, saya lebih tahu sejarah negara saya. Sebelum 'diberi' kemerdekaan Tanah Melayu, berapa banyak darah orang yang memberontak menentang penjajah telah gugur?

"Yang kamu lihat cuma 'pemberian' menerusi diplomasi? Memang itu yang membezakan cara Malaysia dan Indonesia mendapatkan kemerdekaan negara masing-masing. Tapi, darah perajurit tanah airku yang pernah gugur jangan kau diamkan.

"Jangan ajar tentang sejarah negaraku sebagaimana aku tidak pernah mengajar kamu tentang sejarah negaramu," balas Uyaina.

Terdahulu, dalam hantaran yang dikongsikan, pengacara Wanita Hari Ini itu mendesak golongan yang masih menyokong tindakan kejam Israel terhadap Palestin agar melihat kembali jenayah yang dilakukan oleh rejim Zionis itu.

Dalam masa yang sama, Uyaina juga berharap masyarakat Malaysia mendalami sejarah kerana dari situlah pengorbanan pejuang terdahulu sehingga kita dapat mengecapi keamanan hari ini. WK



Kopi dan Benang: Tufting berkonsep klasik Melayu



Foto: SYUQQREE DAIN
Video: HASIF HALIMI
DIANA AMIR

SENI tufting tidak lagi asing di Malaysia di mana kebanyakan bengkel sudah mula menawarkan pengalaman buat mereka yang ingin mencuba aktiviti tersebut buat pertama kali.

Di Kuala Lumpur misalnya, kebanyakan bengkel adalah berkonsepkan *indoor* atau terletak di mana-mana bangunan berhawa dingin namun berlainan pula dengan bengkel Kopi dan Benang yang menawarkan pengalaman tufting berlatarbelakangkan klasik Melayu.

Menurut pemiliknya, **Shahanshah Qaf Hussain**, 27, idea tersebut tercetus kerana dia dan keluarga mempunyai minat yang mendalam terhadap konsep klasik tersebut.

"Aktiviti ini sedang popular di Malaysia, saya pernah ingin menyertai aktiviti ini namun agak sukar kerana sering penuh maka daripada situ timbulnya idea untuk mewujudkan bengkel sendiri,"

katanya kepada *Wilayahku*.

Berkongsi mengenai aktiviti tufting yang ditawarkan, Shahanshah berkata meskipun berkonsepkan klasik namun rekaan yang ditawarkan adalah moden dan mudah.

"Apa yang penting semua corak atau bentuk yang disediakan senang buat mereka yang baru pertama kali melakukan aktiviti tufting. Lagi pula ia mudah dipelajari kerana ia tidak memerlukan sebarang teknik tertentu. Hanya menggunakan pistol, benang dan sedikit tenaga untuk menyiapkannya," ujarnya pelanggan juga boleh menghasilkan corak sendiri namun ia perlu ditapis oleh staf terlebih dahulu sama ada ia mudah atau tidak untuk disiapkan.

Shahanshah berkata, setiap pelanggan akan diberi tunjuk ajar bermula daripada peringkat memasukkan benang sehingga tufting namun untuk peringkat akhir ia akan dilakukan oleh kakitangan sendiri.

"Untuk proses akhir seperti *trimming* dan tampalan fabrik, ia akan dilakukan oleh kita sendiri

kerana bau bahan kimia yang akan digunakan untuk proses tersebut terlalu kuat. Tambahan pula, kita juga beroperasi sebagai sebuah kafe jadi ia tidak sesuai," jelasnya kebiasaannya pelanggan boleh mendapatkan hasil mereka selepas seminggu secara penghantaran atau *pick up* di kedainya.

Tambahnya lagi, kebiasaannya pelanggan akan meluangkan masa dua sehingga tiga jam bagi menyiapkan satu rekaan dan ia boleh memakan masa sehingga tujuh jam bagi corak yang sukar.

"Pemilihan benang juga memainkan peranan di mana tufting menggunakan benang yang lebih tebal berbanding benang kait yang halus dan penghasilannya juga tidaklah terhad kepada karpet sahaja.

"Saya pernah lihat ada pelanggan yang buat dan tampalkannya di sofa, bantal, dinding dan banyak lagi. Mereka tidak akan jadikannya sebagai karpet kerana sayang untuk dipijak," katanya harga tufting bermula RM89 untuk saiz 40cm manakala RM99 (50cm) dan tiga bingkai boleh

berjalan serentak dalam satu-satu masa.

Berkongsi mengenai perancangan akan datang, Shahanshah berkata mereka dalam proses untuk membuka satu lagi cawangan di Perlis di mana ia akan dikelilingi sawah padi dengan menggunakan konsep sama iaitu klasik Melayu.

"Untuk di Kuala Lumpur kita dalam perancangan untuk melakukan aktiviti tufting outdoor yang dijalankan di bahagian luar kafe Kopi dan Benang ini sama seperti aktiviti canting batik," jelasnya rata-rata maklum balas yang diterima adalah positif.

SARAPAN PAGI, MAKAN MALAM ALA 90-AN

TURUT beroperasi sebagai sebuah kafe, Shahanshah berkata uniknya di Kopi dan Benang adalah pengunjung boleh melakukan aktiviti sambil minum kopi dan menjamu selera.

"Kebiasaannya kita terima pelanggan yang ramai di sebelah pagi di mana mereka berpeluang

menjamu selera dengan *vibes* klasik serta makanan melayu seperti lodeh, nasi lemak dan sebagainya.

"Di sebelah malam pula kita menawarkan menu barat seperti pasta, english breakfast, sup cendawan serta pelbagai lagi pilihan," ujarnya.

Shahanshah turut berharap agar warga kota khususnya beramai-ramai hadir bagi merasai pengalaman melakukan aktiviti tufting dan mencanting batik berkonsepkan klasik Melayu. **WK**



SHAHANSHAH (kiri) dan isterinya bersama hasil rug tufting yang ditawarkan di Kopi dan Benang.



Info

24, Jalan AU2C/2, Taman Desa Keramat, 54200 Kuala Lumpur

Sabtu dan Ahad sahaja
Sarapan pagi: 7.30 hingga 11 pagi
Bengkel: 12 tengah hari hingga 11 malam
Makan malam: 6 petang hingga 11 malam

017-377 9919

@kopidanbenang

@kopidanbenang

Tanjung Food Hub syurga penggemar makanan laut



KHAIRUL IDIN

BAGI sesiapa yang menetap mahupun sedang bercuti di Labuan, anda wajib merasai keenakan masakan laut yang terdapat di Restoran Tanjung Food Hub yang terletak di Kampung Tanjung Aru, Labuan.

Ini kerana, ia menyajikan pelbagai jenis hidangan makanan laut seperti ikan, udang, ketam, sotong yang pastinya segar serta enak dimakan lebih-lebih lagi ketika masih panas.

Bukan itu sahaja, pengunjung juga dapat menikmati hidangan sambil melayan angin sepoi-sepoi memandangkan restoran ini terletak berhampiran dengan laut.

Berkongsi lanjut mengenainya, **Nur Aqilah Mohd Ali**, 28, yang merupakan pemilik Restoran Tanjung Food

Hub berkata lebih 20 jenis makanan laut dihidangkan termasuk masakan barat dan ala thai.

"Antara menu popular yang menjadi pilihan pelanggan adalah tomyam, ikan tiga rasa, stim, sambal serta *grilled chicken chop* dan pasta.

"Kita juga menyediakan pelbagai jenis pilihan minuman seperti fizzy watermelon, fizzy grape, sparkling traffic light, kopi ais tanjung, thai green tea dan banyak lagi.

"Di sini, kita sediakan makanan mengikut bilangan pelanggan yang hadir tetapi jika pelanggan datang dalam jumlah yang besar dan ramai, kami akan hidangan mengikut jumlah pelanggan," katanya harga makanan yang ditawarkan serendah RM7 sehingga RM53 mengikut jenis hidangan.

Bercerita lanjut tentang perniagaannya, Aqilah berkata

ia teretus daripada selernya merasai makanan barat semasa berada di perantauan dan disebabkan itu teretus minat untuk membuka perniagaan.

"Sepanjang berada di perantauan, saya seorang yang suka mencuba pelbagai jenis makanan di mana-mana kedai atau restoran. Jadi, pada tahun 2020, apabila kembali semula ke Labuan, saya dapati agak sukar untuk mencari restoran yang menepati cita rasa.

"Bermula itu lah saya berbincang bersama keluarga untuk membuka restoran ini dengan mengetengahkan menu-menu baru dari semasa ke semasa bermula daripada makanan barat, minuman dan sebagainya," katanya.

Dalam pada itu, Aqilah berkata dia berasa gembira kerana restorannya sentiasa mendapat sambutan daripada

penduduk di sekitar Labuan mahupun semenanjung semenjak mula beroperasi.

"Alhamdulillah, sambutan daripada orang ramai sangat menggalakkan dan ia melebihi daripada jangkaan saya, lebih-lebih lagi semenjak ia tular di platform *TikTok*.

"Sejujurnya saya terbuka mendengar setiap komen daripada pelanggan dan sentiasa memperbaiki kekurangan yang ada demi menjamin kepuasan mereka," katanya.

Justeru itu, Aqilah mengajak orang ramai khususnya warga Labuan untuk merasai sendiri kenikmatan dan kelazatan hidangan makanan yang disediakan oleh Restoran Tanjung Food Hub. **WK**



NUR AQILAH



Info

**Tanjung Food Hub,
Kampung Tanjung Aru,
Wilayah Persekutuan Labuan**



**4.30 petang – 11 malam
(setiap hari)**



Tanjung Food Hub

MEDIA WARGA KOTA

WILAYAHKU

DAPATKAN NASKHAH PERCUMA!

Dapatkan juga versi e-paper
WILAYAHKU di
www.wilayahku.com.my

LOKASI EDARAN:



Akhbar mingguan **WILAYAHKU** juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti di pejabat-pejabat kerajaan, masjid, surau, stesen minyak, restoran, premis perniagaan, stesen LRT/MRT serta banyak lagi lokasi tumpuan orang ramai.

wilayahku.com.my [Wilayahku](https://www.facebook.com/Wilayahku) [@akhbarwilayahku](https://twitter.com/akhbarwilayahku) [WkTV](https://www.youtube.com/channel/UCWkTV)

PENGIKLANAN AKHBAR

MUKA PENUH
26 cm X 32 cm
RM7,500

SEPARUH MUKA
26 cm X 16 cm
RM5,500

SUKU MUKA
13 cm X 16 cm
RM4,500

PANEL BAWAH
26 cm X 6 cm
RM4,500

PENGIKLANAN DIGITAL

BANNER ATAS **RM3,000**

BANNER TENGAH **RM2,500**

BANNER TEPI **RM2,500**

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara **PERCUMA** setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan
sila hubungi:

03-8861 5260

Alamat:
YWP MEDIA SDN BHD (1304797-X)

Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Memori indah Globe Silk Store

GLOBE Silk Store atau Gedung Pakaian Globe. Nama ini bermain di bibir orang ramai di ibu kota Kuala Lumpur sekitar awal tahun 50-an hingga awal tahun 2000. Ia terkenal sebagai pusat sehenti membeli pelbagai jenis pakaian lelaki, wanita dan kanak-kanak serta pelbagai kelengkapan rumah.

Tanyalah kepada mereka yang melalui kehidupan di zaman kegemilangan Globe Silk Store atau dikenali dengan nama ringkas Globe. Adi percaya boleh dikatakan semua tahu gedung pakaian popular tersebut dan sering mengunjunginya.

Pada awalnya premis perniagaan ini terletak di celah premis perniagaan lain di Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR), yang dahulu dikenali dengan Jalan Batu atau Batu Road. Kedudukannya berhampiran pawagam Coliseum yang wujud sejak tahun 1920, pawagam tertua di ibu negara.

Generasi masa kini mungkin tidak mengenali Globe kerana tidak membesar di zaman kehebatannya. Tentunya mereka lebih mengenali gedung membeli-belah hebat dan ternama lain di seluruh pelosok Kuala Lumpur. Tempat tersebutlah yang menjadi tumpuan mereka.

Apatah lagi nama Globe Silk Store sudah tiada lagi untuk tatapan generasi kini. Yang tinggal hanya bekas premis perniagaan asal dan bangunan premis selepas berpindah, juga di Jalan TAR, yang kini dimiliki orang lain.

Hasil rujukan Adi mendapati masalah kewangan dan persaingan sengit perniagaan daripada gedung beli-belah lain antara punca utama nama Globe tenggelam sehingga menutup perniagaan. Antara yang berdiri hampir ialah Sogo, Kompleks Pertama dan Kompleks Campbell.

Globe pada awalnya bukanlah sebuah pusat membeli-belah besar yang beroperasi daripada bangunan tersergam. Ia hanya unit kedai di antara deretan kedai lain di Jalan TAR. Kerana itu apabila



GEDUNG pakaian Globe pernah menjadi fenomena kepada warga kota membeli pakaian dan kelengkapan untuk sambutan hari perayaan. - Gambar hiasan

pengunjung ramai keadaan sesak.

Orang luar sanggup datang dari jauh untuk membeli-belah kerana mengetahui kehebatan Globe. Secara tidak langsung, Globe jadi daya penarik untuk mereka datang membeli-belah sambil melancong ke beberapa lokasi menarik di ibu kota.

Begitulah hebatnya nama Globe ketika itu. Ia popular dan menjadi tumpuan walaupun pada masa itu belum ada media sosial atau istilah *viral* untuk mempromosikan gedung pakaian tersebut. Promosi lebih dari mulut ke mulut atau melalui surat khabar.

Pendek kata banyak yang diperlukan ada di Globe. Selain pelbagai pakaian siap, kain ela untuk dibuat pakaian ada dijual. Juga terdapat kelengkapan pakaian sekolah seperti baju dan seluar, kain, stokin dan kasut.

Untuk menyerikan rumah, disediakan keperluan kelengkapan rumah seperti kain untuk langsir, cadar, sarung bantal, selimut dan lain-lain. Kesemuanya dijual dengan harga berpatutan. Faktor harga ini juga salah satu daya penarik berkunjung ke Globe.

Bagi pakaian wanita, pelbagai fesyen disediakan, daripada baju kurung hinggalah ke pakaian tidur, dalam lingkungan harga mampu. Pendek kata segala keperluan pakaian, luar dan dalam disediakan untuk pengunjung. Pilih sahaja mana yang berkenan di hati.

Berdasarkan sambutan hangat ini, boleh dikatakan sepanjang masa Globe dipenuhi pengunjung. Suasana ini lebih ketara menjelang hari perayaan, misalnya Hari Raya Aidilfitri. Pengunjung datang bertali arus membuat persiapan membeli keperluan untuk hari raya.

Ini menyebabkan premis tersebut sesak dan perlu berbaris panjang sewaktu hendak membayar. Tambahan lagi pada waktu itu pembayaran adalah lebih secara tunai. Tidak ada penggunaan kad debit atau QR. Akibatnya premis tersebut sesak.

Menurut rujukan yang Adi buat, Globe diasaskan oleh Tirathdas Jethenand yang berasal dari Sind, India. Beliau berhijrah ke Malaya pada 1928. Sind kini di bawah pentadbiran Pakistan. Ketika berhijrah, Tirathdas berusia 18 tahun dengan berbekalkan wang saku 500 Rupee (RS 500), lebih kurang RM8.50.

Walaupun berbekal wang saku yang sedikit, dia bekerja kuat mengumpul duit. Hasil usaha keras,

dua tahun kemudian pada 1930, dia membuka perniagaan tekstil di Segamat Johor, yang merupakan pangkalan asal perniagaannya.

Perniagaan ini beroperasi dari sebuah rumah kedai yang disewa dengan harga RM40 sebulan. Tirathdas memberi nama perniagaannya Globe Silk Store. Itulah permulaan sejarah Globe.

Pada tahun 1947, Globe berpindah dari Segamat ke Batu Road, Kuala Lumpur untuk mengembangkan perniagaan memandangkan potensi untuk maju lebih terserlah di ibu kota. Globe beroperasi dari premis perniagaan di antara deretan kedai lain.

Bertahun-tahun Globe beroperasi dari premis tersebut meniti kegemilangan. Namun jumlah pelanggan yang kian bertambah menyebabkan pihak pengurusan merasakan premis sedia ada sudah sempit. Ekoran itu Globe berpindah ke premis bertingkat-tingkat yang lebih besar dan selesa, tidak jauh dari lokasi asal.

Namun langit tidak selalu cerah. Globe yang hebat menghadapi saingan daripada gedung pakaian lain yang menyaksikan perniagaan merosot. Pemiliknya, Tan Sri Kishu Jethenand juga berdepan dengan kemelut undang-undang dan menghadapi tindakan mahkamah berhubung penjualan bangunan perniagaan.

Berikutan kemelut ini, akhirnya Globe menutup pintu perniagaan pada 2005 selepas kreditor atau bank pemberi pinjaman memperoleh perintah likuidasi atau *liquidation order* daripada mahkamah. Setelah beberapa

isu berhubung undang-undang diselesaikan, pada 2007, sebuah syarikat difahamkan dari Singapura, mengambil alih Globe. Serentak itu Globe dinamakan semula sebagai Sarah Hughes@Globe. Mungkin nama Globe dipertahan memandangkan ia sudah sebat di jiwa pelanggan dan kerana itu dikekalkan sebagai memori.

Begitulah sejarah Globe. Setelah beroperasi dengan cemerlang selama 75 tahun akhirnya ia menutup perniagaan. Yang tinggal hanya memori indah di kalangan mereka yang suatu ketika dahulu menjadi pengunjung setia Globe.

Adi—Kenangan mengusik jiwa di Globe.

Adi Trah

RAGAM KOTA

F#minor



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Sajak

DI LANGIT GAZA

*Malam ini
roket seperti bintang
sinarnya adalah kemusnahan.*

*Di dada langit
bulan masih mencebik
suramnya adalah kesedihan.*

*Terang cahaya letupan
memalapkan obor harapan
yang dijulung setiap insan.*

AIRUL AFFENDI ALI
Pulau Indah.



KHAIRUL IDIN

IDAC tingkat keterangkuman kewangan - Labuan FSA

PUSAT Aset Digital Islam (IDAC) yang dilancarkan pada Oktober 2022 oleh Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) yang dikawal selia oleh Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) dilihat mampu meningkatkan keterangkuman kewangan.

Menurut Ketua Pengarah Lembaga Labuan FSA, **Nik Mohamed Din Nik Musa**, inisiatif IDAC bertujuan untuk menjadi platform pengumpulan dana dan pelaburan maya melalui pertukaran aset digital.

"Pertukaran ini akan memudahkan pengeluaran, penyenaian dan dagangan token sekuriti yang boleh dirangka untuk patuh syariah atau prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG). Ia bersandarkan aset dan

berdasarkan prinsip perkongsian risiko yang bergantung pada aset asas.

"Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sebagai contoh, boleh mengambil bahagian dalam IDAC untuk mengumpul dana melalui tawaran token sekuriti (STO), mendigitalkan sekuriti yang mematuhi undang-undang syariah, seterusnya mengeluarkan token digital Islam," katanya semasa berucap pada Majlis Makan Malam Tahunan Industri Labuan 2023 di Dewan Konvensyen Ujana Kewangan, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, token digital tersebut boleh diakses oleh individu di seluruh dunia kerana ia tersedia dalam unit yang kecil dan menggalakkan keterangkuman.

"STO juga membolehkan penerbit menarik pelabur yang lebih meluas, menawarkan pelaburan kos efektif dan cair yang mudah dikeluarkan dengan menjualnya melalui bursa," ujar beliau.

Katanya, instrumen pembiayaan bersandarkan aset ini, apabila digunakan untuk tujuan produktif, memudahkan perkongsian risiko ekuiti dan juga memastikan kestabilan dan kemampuan sekali gus lebih dipercayai daripada pembiayaan hutang.

"Labuan IBFC bersedia untuk menjadi hab bagi kewangan Islam berasaskan digital, memupuk rangkuman kewangan dan menjadi model bagi kewangan global pada masa hadapan," jelasnya. **WK**



NIK MOHAMED ketika berucap pada Majlis Makan Malam Tahunan Industri Labuan 2023, di Dewan Konvensyen Ujana Kewangan.

85 ekor anak penyu spesies terancam dilepaskan di perairan Labuan

SEBANYAK 85 ekor anak penyu spesies terancam berjaya dilepaskan di perairan Labuan bagi memastikan hidupan laut itu tidak diancam kepupusan kelak.

Usaha murni itu dilaksanakan oleh Kelab Lions Mandarin Labuan dengan kerjasama Jabatan Perikanan Labuan dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC).

Sesi pelepasan itu diadakan di Pusat Konservasi Penyu Pulau Rusukan Besar disaksikan 80 sukarelawan terdiri daripada pelajar Sekolah Antarabangsa Labuan, Sekolah Menengah St Anthony dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Perumahan Bedaun.

Menurut Presiden Kelab Lions Mandarin Labuan, **Chia Sia Theng**, usaha tersebut bagi menyokong Kempen Hari Alam Sekitar Sedunia untuk memerangi pencemaran plastik sekali gus memperjuangkan kesejahteraan hidupan laut.

"Kita berharap inisiatif ini mampu

meningkatkan kesedaran dalam melindungi hidupan yang terancam. Dalam masa yang sama, para pelajar turut mendengar taklimat tentang usaha pemuliharaan penyu yang dijalankan di Pulau Rusukan Besar oleh Ketua Pemuliharaan Penyu dan Marin, Jabatan Perikanan Labuan, Ryanto Saifuddin.

"Aktiviti pendidikan tersebut amat penting di mana para pelajar juga dapat menghargai serta memulihara khazanah alam sekitar daripada pencemaran. Diharapkan pada masa akan datang kita akan terus bekerjasama dengan pihak yang terlibat," katanya kepada pemberita semasa Program Pembersihan Pantai dan Pelepasan Anak Penyu di Pusat Konservasi Penyu Pulau Rusukan Besar, baru-baru ini.

Sementara itu, sesi pembersihan pantai di kawasan Pulau Rusukan Besar yang diadakan adalah bagi memastikan perairan laut bebas daripada sampah sarap atau bahan berbahaya. **WK**



CHIA (tengah) bersama 80 sukarelawan yang menyertai Program Pembersihan Pantai dan Pelepasan Anak Penyu di Pusat Konservasi Penyu Pulau Rusukan Besar.

KPDN Labuan laksana pemantauan, elak peniaga manipulasi harga ayam

PEJABAT Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Labuan giat melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan di premis perniagaan di pulau tersebut.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDN Labuan, **Amiluddin Malang** berkata pihaknya sentiasa menjalankan pemeriksaan serta pemantauan di lokasi tumpuan orang awam untuk memastikan bekalan di pasaran mencukupi dan dijual dengan harga berpatutan.

"Hasil pemeriksaan dan pemantauan tersebut mendapati bekalan ayam mencukupi dan dijual pada harga yang berpatutan serta tidak berlaku pembelian panik.

"KPDN akan melaksanakan

pemantauan dan penguatkuasaan melalui Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 (AKHAP 2011) bagi memastikan peniaga tidak mengambil keuntungan yang tidak munasabah dan memanipulasi harga ayam di peringkat peruncit selain memastikan peniaga mematuhi perundangan di bawah selian KPDN," katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.


Tambahnya, penguatkuasaan secara berhemah juga akan dilaksanakan bagi memberikan pendidikan, nasihat dan amaran kepada peniaga agar sentiasa mematuhi undang-undang.

"Pemantauan turut dilakukan oleh Pegawai Pemantau Harga (PPH) bagi mendapatkan maklumat berkenaan harga jualan ayam dan ia diteruskan setiap hari," katanya. **WK**



PASUKAN penguat kuasa KPDN ketika melaksanakan pemantauan harga ayam di Labuan baru-baru ini.

PERADUAN MEWARNA PM236



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.


CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM236".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah 18 NOVEMBER 2023.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 238.

3 PENYERTAAN TERBAIK PADA SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



TEKA SILANG KATA SK236



MELINTANG

2. Organ yang terbentuk untuk mengesan cahaya
3. Beras yang di tanak
5. Raja buah
6. Bekas untuk minum
8. Struktur keras menyerupai tulang
10. Spesies tumbuhan tropika

KE BAWAH

1. Pekerja yang menghantar bungkusan atau surat
4. Alat yang digunakan untuk menceduk nasi
7. Sejenis alat yang digunakan untuk memotong
9. Binatang berdarah sejuk

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK236".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 18 NOVEMBER 2023.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 238.

3 PENYERTAAN TEPAT & TERAWAL SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada: wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 234

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM234:

IHSAN HAZIQ BIN NOR HAZIZI
(9 tahun)
Presint 16, Putrajaya.

NUR DAYANA BT ABDUL AZMI
(11 tahun)
Bandar Saujana Putra, Cyberjaya.

DHIYA MEDINA BT KHAIRUL FATA
(9 tahun)
Setia Eco Glades, Cyberjaya.





Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK234:

KHOO PHAU LIANG
(29 tahun)
Tanah Merah, Kelantan.

NUR AZIMAH BINTI AZIZ
(38 tahun)
Presint 16, Putrajaya.

FARIDAH BINTI ALI
(38 tahun)
Presint 5, Cyberjaya.



KKD, MCMC giat program literasi digital untuk golongan OKU

AZLAN ZAMBRY

USAHA membangunkan potensi setiap golongan masyarakat khususnya Orang Kurang Upaya (OKU) sering menjadi perhatian kerajaan. Tidak sekadar menjaga kebajikan golongan tersebut, pembiayaan dalam bidang kemahiran dan galakan menceburi dunia keusahawanan turut menjadi agenda kerajaan demi memastikan golongan ini mampu berdikari.

Menurut sumber Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), OKU berdaftar di Malaysia sehingga 30 September 2023 adalah seramai 674,892 orang manakala menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), 15 peratus daripada penduduk sesebuah negara adalah OKU. Ini bermakna, di Malaysia, kira-kira 4.8 juta penduduk adalah daripada komuniti OKU.

Selari dengan peredaran zaman serta perkembangan era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), golongan OKU juga tidak harus tertinggal memandangkan mereka juga perlu menguasai teknologi meskipun berdepan dengan kepayahan dalam pergerakan dan sebagainya.

Bagi menyantuni golongan OKU, Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menganjurkan Program Pemerkasaan Orang Kurang Upaya (OKU) Celik Digital yang julung kali diadakan di Lembah Pantai baru-baru ini.

Inisiatif ini dijalankan bagi memperbanyakan program literasi digital untuk golongan OKU yang bertujuan sebagai serampang dua mata iaitu untuk menghentikan golongan OKU menjadi mangsa scammer dan pada masa untuk membantu meningkatkan tahap penguasaan teknologi maklumat.

Program Pemerkasaan OKU Celik Digital ini merupakan antara usaha kerajaan untuk menghubungkan komuniti OKU dengan agensi kerajaan selaras aspirasi Malaysia MADANI bagi memastikan tiada golongan masyarakat dalam negara ini terpinggir dalam pelaksanaan dasar dan inisiatif kerajaan.

PEDi TAWAR LATIHAN PERNIAGAAN UNTUK OKU

SUDAH semestinya dengan situasi ekonomi yang tidak menentu di peringkat global khususnya perang di Eropah Timur membabitkan Rusia



FAHMI (tengah) mahu golongan OKU menguasai aspek kesedaran Internet, keusahawanan digital dan pemerkasaan digital sebagai persiapan untuk meneruskan keterlibatan dalam ekosistem digital.

dan Ukraine serta perubahan iklim yang ekstrem telah mengganggu rantaian perbekalan sekali gus menjejaskan ekonomi. Natiujahnya turut dirasai oleh warga tempatan lebih-lebih lagi golongan OKU yang tidak mempunyai keupayaan dalam menghadapi cabaran tersebut.

Menurut Menteri Komunikasi dan Digital, **Fahmi Fadzil**, melalui pelaksanaan program pembangunan dan pemerkasaan digital belia OKU yang dilakukan membolehkan mereka menggunakan peluang sebaik mungkin dan meningkatkan kebolehpasaran OKU dalam pekerjaan.

"Program ini menekankan empat objektif utama iaitu meningkatkan kesedaran serta advokasi kepada komuniti khususnya OKU tentang penggunaan teknologi digital secara positif dan bijak serta memberikan pendedahan kepada komuniti berhubung kewaspadaan jenayah siber.

"Objektif ketiga adalah untuk mendidik dan melindungi pengguna Internet daripada risiko dan ancaman daripada talian dan keempat adalah untuk meningkatkan tahap literasi digital masyarakat, sekali gus melibatkan diri secara aktif dalam ekosistem digital," katanya ketika berucap merasmikan Program Pemerkasaan OKU Celik Digital di Pusat Komuniti IWK Eco Park di Lembah Pantai baru-baru ini.

Hadir sama Ketua Pegawai Pembangunan Industri MCMC,

Muhammad Razali Anuar.

Ujar beliau, kesemua objektif tersebut dapat dicapai melalui perkongsian beberapa modul yang merangkumi tiga aspek iaitu kesedaran Internet, keusahawanan digital dan pemerkasaan digital.

"Modul-modul disampaikan oleh beberapa agensi kerajaan dan swasta yang terdiri daripada MCMC, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), MYNIC, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Shopee dan lain-lain," katanya.

Fahmi berkata kerajaan melalui MCMC telah memperkenalkan Pusat Ekonomi Digital (PEDi) sebagai pusat transformasi digital bagi masyarakat di luar bandar dan kawasan miskin bandar untuk memperkasakan diri ke arah pendigitalan yang inovatif dan berdaya saing.

"Buat masa ini, terdapat 911 kemudahan PEDi di seluruh negara yang menyediakan peluang untuk golongan sasar meningkatkan taraf sosioekonomi mereka melalui platform ekonomi digital.

"Kemahiran mengusahakan perniagaan dalam talian menerusi penggunaan Internet dalam kalangan masyarakat luar bandar dan miskin bandar adalah sejajar aspirasi Malaysia MADANI," ujar

beliau.

Menurut Fahmi, kemudahan PEDi yang disediakan juga boleh dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat dengan mengikuti siri latihan dan program yang ditawarkan untuk mendalami bidang ekonomi digital dan menggunakannya sebagai platform memajukan diri dan sosioekonomi setempat.

"Sebagai contoh, baru-baru ini PEDi Sri Pantai dengan kerjasama Cawangan Komunikasi Penghukupan Orang Kurang Upaya, Bahagian Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) telah menawarkan sembilan Program MyCekap Belia: Bengkel Pemerkasaan Digital di PEDi.

"Program tersebut melibatkan seramai 93 orang peserta terdiri daripada komuniti OKU Fizikal, OKU Penglihatan, OKU Pendengaran, OKU Pembelajaran dan OKU Pelbagai (iaitu dua atau lebih kategori ketidakupayaan) di Kuala Lumpur, Putrajaya, Alor Setar, Kedah, Kota Bharu, Kelantan, Kuala Terengganu dan Sabah serta program sama akan dilaksanakan di Negeri Sembilan dan Selangor pada bulan ini," katanya.

Tambah Fahmi, melalui program berkenaan, para peserta OKU diberi latihan untuk mendigitalkan



MOHAMAD NAZRI



Jumlah OKU yang mengikuti program latihan keusahawanan Pusat Ekonomi Digital (PEDi)

Jumlah OKU mengikut pecahan negeri

Sarawak	2,088
Johor	1,407
Kedah	965
Kelantan	1,389
Melaka	152
Negeri Sembilan	736
Pahang	3,602
Perak	1,446
Perlis	53
Pulau Pinang	7
Sabah	590
Selangor	653
Terengganu	919
WP Kuala Lumpur	85
WP Labuan	1
WP Putrajaya	18
Jumlah	14,111

perniagaan mereka menggunakan Facebook Page Marketing, laman sesawang Canva, WhatsApp Business dan TikTok.

Sementara itu, **Mohamad Nazri Mohd Rafi**, 22, yang menjalankan perniagaan atas talian menyambut baik program literasi ini yang bertujuan membantu golongan OKU seperti yang sebelum ini dianggap terpaksa bergantung dengan bantuan kerajaan untuk kelangsungan hidup.

"Saya melihat inisiatif ini tidak meminggirkan golongan OKU seperti saya. Banyak peluang dan latihan khusus untuk OKU berniaga yang mesti diambil peluang untuk membangunkan kebolehan diri sendiri demi masa depan.

"Selain itu, selepas ini akan ada bantuan-bantuan lain untuk golongan seperti saya maju dalam perniagaan dan mampu hidup dengan lebih baik seperti individu normal yang lain," ujaynya. **WK**



Pusat Pentadbiran Putrajaya lokasi pilihan tepat penganjaran NPC2023



SABRINA SABRE

PEMILIHAN Putrajaya sebagai lokasi Kongres Perancangan Kebangsaan 2023 atau *National Planning Congress (NPC)* 2023 merupakan satu keputusan tepat memandangkan pusat pentadbiran negara itu merupakan penanda aras kepada pembangunan dan pentadbiran sesebuah bandar baik di peringkat dalam negara mahupun antarabangsa.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, Putrajaya menjadi tuan rumah (*host city*) NPC2023 kerana infrastrukturnya yang moden dan canggih, keberkesanan dalam mengendalikan acara kebangsaan, sokongan daripada kerajaan dan pertubuhan profesional, pemilihan lokasi yang strategik, keindahan dan keunikan bandar serta sokongan daripada pertubuhan antarabangsa. "NPC2023 merupakan salah satu acara utama bagi Pertubuhan Perancang Bandar (MIP) yang diadakan pada bulan November setiap tahun bersempena Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia (HPBS) atau *World Town Planning Day (WTPD)*.

"Objektif utama acara ini adalah untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman dan penemuan terkini dalam bidang perancangan bandar, meningkatkan kesedaran tentang pentingnya perancangan bandar



FADLUN (empat kiri) bersama tetamu kehormat semasa Majlis Pelancaran NPC2023 baru-baru ini.

yang baik dan berkesan dalam pembangunan negara, memberikan peluang untuk membangunkan rangka kerja dan hubungan antara profesional perancangan, agensi kerajaan dan pihak swasta, menyediakan peluang untuk membincangkan isu-isu kritikal dalam perancangan bandar serta mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

"Tema yang telah dipilih pada tahun ini adalah Perancangan Untuk Malaysia Madani, Memacu SDG2030 di mana ia akan membincangkan mengenai peranan perancang

bandar dalam mewujudkan bandar yang berdaya huni (*livable*), mampan (*sustainable*) dan komuniti yang saksama," katanya menerusi satu kenyataan media pada Rabu.

Selain itu, beliau berkata tema NPC2023 juga selaras dengan agenda kemampanan Malaysia dengan garapan sasaran pemecutan pencapaian matlamat SDG2030 terutamanya SDG 11 (bandar dan Komuniti Mampan) dan Agenda Perbandaran Baharu (NUA) dalam merealisasikan visi Pembangunan Malaysia Madani.

"Kongres ini akan menjadi

platform perbincangan isu-isu perancangan terkini dan pembentangan projek-projek yang telah dilaksanakan dari pelbagai negara yang akan memberi peluang kepada delegasi untuk bertukar idea dan berkolaborasi dalam strategi untuk memastikan bandar-bandar dirancang dengan baik dan kondusif bagi mencapai kesejahteraan yang menyeluruh," tambahnya penganjaran kongres pada tahun ini turut disokong oleh *Commonwealth Association of Planners (CAP)* dan *Eastern Regional Organisation for Planning and Human Settlement*

(EAROPH).

Dalam masa sama, Fadlun memaklumkan bersempena NPC tahun ini, CAP telah memilih Malaysia sebagai tuan rumah untuk Perhimpunan Agung yang diadakan pada 10 November 2023 di Putrajaya.

"Para peserta Kongres Perancangan Kebangsaan 2023 juga akan dapat menikmati pelbagai program sampingan dan lawatan ke kawasan Putrajaya yang menarik seperti Galeri Putrajaya Story, *Chocolate Shoppe @ Souq*, Cruise Tasik Putrajaya dan *GL@W Glamping* di Taman Wetland," ujar beliau ia adalah cara yang hebat untuk memperkenalkan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan yang mesti dilawati.

Lebih menarik, selain daripada perbincangan panel yang menampilkan 34 orang penceramah pakar dan moderator dari Malaysia dan lima pakar dari luar negara, reruai pameran oleh Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia dan agensi lain juga turut disediakan untuk maklumat dan sebaran ilmu.

Terdahulu, seramai 500 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai kumpulan profesional dan bukan profesional, swasta dan agensi-agensi kerajaan termasuk persatuan penduduk dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) menghadiri NPC2023 yang diadakan di Kompleks PPj.

Turut hadir menyempurnakan majlis, Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali. **WK**

PPj sumbang RM5,000 bantu perjuangan rakyat Palestin

GENAP 35 hari berlakunya perang antara pejuang Hamas dan Israel dengan angka kematian rakyat Palestin di Gaza terus meningkat saban hari akibat kekejaman rejim Zionis yang turut membedil kediaman-kediaman orang awam.

Di sebalik kekejaman rejim Zionis untuk melumpuhkan sepenuhnya Gaza, bantuan kemanusiaan terus dilancarkan masyarakat antarabangsa bagi membela nasib rakyat Palestin di wilayah itu.

Tidak terkecuali, pihak berkuasa tempatan (PBT) Perbadanan Putrajaya (PPj) turut mengambil peluang mengagihkan bantuan kecemasan melalui kutipan Minggu Infaq Putrajaya 2023 kepada penduduk Gaza yang telah disekat keperluan asas sejak beberapa minggu lalu.

Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud** berkata sebagai rakyat Malaysia yang cintakan kedamaian dan keamanan selain atas dasar kemanusiaan yang terkesan dengan penderitaan serta kesengsaraan dialami oleh rakyat Palestin, pihaknya menyumbang sebanyak RM5,000 hasil kutipan Minggu Infaq Putrajaya 2023

kepada Tabung Kemanusiaan Palestin.

"Misi kemanusiaan melalui penyaluran sumbangan ini sedikit sebanyak diharap dapat membantu dan menyelamatkan mereka yang tidak berdosa.

"Sumbangan ini juga adalah sebagai menyatakan solidariti berterusan kepada mangsa-mangsa kezaliman konflik Zionis Israel di Palestin," ujar beliau kepada

Wilayahku.

Dalam masa sama, Fadlun berkata pihak PPj turut mengadakan Forum Solidariti Palestin yang dihadiri 400 orang peserta di samping menampilkan Heliza Helmi sebagai moderator serta dua orang ahli panel terdiri daripada pendakwah terkenal Ustaz Syed Abdul Kadir Aljoofre dan Ustaz Mohammad Rozie Mohd Rejab. **WK**



SUMBANGAN Tabung Kemanusiaan Palestin PPj menyatakan solidariti berterusan kepada mangsa-mangsa kezaliman konflik Zionis Israel di Palestin.

Anniversary Promo!

STAYING PERIOD: 1ST NOVEMBER - 15TH DECEMBER 2023

30% DISCOUNT FOR ALL TENTS

Weekdays, Weekend | Couple tent / Triple tent / Quad tent

*Use ANV30 during booking process

GLAMPING PARK TRAVEL AND TOUR SDN BHD (1337749-X) (KPKU/LN 50260)

T&C APPLY

f glampingwetlandputrajaya 6013 - 347 8857 www.glowputrajaya.com

Kongsi tip buat atlet berbasikal

Azli Najmi kembali ke dunia sukan

SABRINA SABRE

BAGI seseorang atlet, penjagaan kesihatan diri adalah faktor utama dalam arena sukan yang diceburi kerana hal tersebut berkait rapat dengan stamina untuk memastikan sasaran berjaya dicapai.

Ia turut diakui atlet sukan berbasikal Wilayah Persekutuan yang juga merupakan pelumba negara, **Azli Najmi Zulkefli**, 25, yang sentiasa menitikberatkan soal pemakanan dan latihan agar tidak terlalu berlebihan.

“Atlet perlu tahu bila masa rehat dan latihan kerana hanya kita sahaja yang memahami isyarat daripada tubuh badan sendiri, jangan *overtraining*. Kena pandai jaga diri sendiri kerana sekiranya badan tidak cukup sihat ia akan memberi kesan semasa kejohanan berlangsung,” kongsiya kepada *Wilayahku*.

Selain itu, anak ketiga daripada empat orang adik-beradik ini berkata disiplin merupakan kunci utama kejayaan seseorang individu sama ada mereka atlet baharu mahupun lama.

“Setiap atlet pastinya ada program latihan sendiri atau daripada jurulatih masing-masing,



AZLI NAJMI (tengah) ketika Kejohanan King Of Mountain Fraser Hill 2023 pada September lalu.

jadi ikut sahaja namun pastikan badan cukup rehat dan semestinya untuk berjaya, kita perlu melakukan latihan lebih daripada orang lain,” ujarnya yang sudah bergiat aktif

dalam sukan berbasikal sejak berusia 10 tahun.

Baru sahaja dinobatkan sebagai johan dalam Kejohanan Majlis Kebajikan dan Sukan

Anggota-anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK), Azli Najmi sebelum ini pernah berehat selama tiga tahun dari dunia sukan ekoran pandemik COVID-19 dan dalam masa yang

Pencapaian Azli Najmi

2019 - Le Tour De Langkawi - 3rd Best Asian Team

2017 - Tour De Selangor - 2nd Best Young Rider

2015 - 4th Asian Cycling Championship (Track Individual Pursuit)

sama menumpukan perhatian kepada kerjaya sebagai seorang guru.

“Alhamdulillah, dengan kemenangan yang diperoleh setelah kemunculan semula ini, sudah pasti saya teruja dan lebih bersemangat untuk terus menceburi diri dalam sukan berbasikal.

“Kebiasaannya saya akan memperuntukkan masa dua jam untuk sesi latihan pada hari bekerja manakala lima hingga enam jam pada hujung minggu. Biarpun agak memenatkan namun ia semua dilakukan kerana minat yang mendalam,” jelasnya yang berazam untuk kembali menyinar dalam Kejohanan Le Tour De Langkawi 2024. **WK**

Pamer aksi cemerlang, 71 atlet WiPers terima habuan

SERAMAI 71 atlet Wilayah Persekutuan (WiPers) teruja menerima insentif keseluruhan berjumlah RM164,000 selepas menampilkan aksi cemerlang menerusi dua kejohanan yang telah berlangsung sepanjang tahun 2023.

Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) menerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) menyampaikan insentif berkenaan sebagai penghargaan dan pengiktirafan atas pengorbanan yang dilakukan oleh atlet WiPers yang memenangi pingat pada temasya Sukan SEA ke-32 di Kemboja dan Sukan Asia ke-19 Hangzhou 2022 Wilayah Persekutuan.

Menurut Ketua Pengarah JWP, **Datuk Noridah Abdul Rahim**, beliau bangga apabila ramai atlet WiPers berjaya mengharumkan nama Wilayah Persekutuan dan Malaysia di pelbagai kejohanan serta temasya tempatan dan antarabangsa.

“Seramai 59 orang atlet WiPers ke Sukan SEA ke-32 Kemboja 2023 telah berjaya menghadihkan tujuh pingat emas, 19 perak dan 24 gangsa buat negara di mana mereka ini juga membawa pulang insentif



WOOI YIK



NORIDAH (tengah) bergambar bersama sebahagian penerima insentif pada Majlis Penyampaian Insentif Sukan SEA ke-32 Kemboja 2023 dan Sukan Asia ke-19 Hangzhou 2022 Wilayah Persekutuan.

kemenangan keseluruhan berjumlah RM109,600.

“Insentif keseluruhan berjumlah RM55,000 disampaikan kepada 12 orang atlet WiPers yang telah memenangi pingat pada Sukan Asia ke-19 di Hangzhou. Mereka berjaya membuktikan kemampuan dengan merangkul tiga pingat emas, empat perak dan lima gangsa dalam temasya tersebut yang turut disertai oleh atlet-atlet dari 40 buah negara,” katanya ketika berucap

pada Majlis Penyampaian Insentif Sukan SEA ke-32 Kemboja 2023 dan Sukan Asia ke-19 Hangzhou 2022 Wilayah Persekutuan di Hotel The Everly Putrajaya.

Dalam masa sama, beliau juga berharap agar insentif ini akan menjadi motivasi dan galakan kepada atlet WiPers untuk menunjukkan pencapaian yang lebih baik pada masa hadapan.

“Menjelang Sukan Olimpik 2024 yang bakal berlangsung di Paris,

saya menaruh harapan kepada dua atlet WiPers, pemain badminton beregu lelaki, **Soh Wooi Yik** dan penerjun wanita, **Nur Dhabitah Sabri** yang kini berada dalam Program *Road To Gold* untuk terus meningkatkan prestasi dalam memastikan pingat emas sulung negara dapat dicapai,” tambah beliau, Majlis Anugerah Sukan Wilayah Persekutuan dan majlis pengiktirafan atlet terbaik Wilayah Persekutuan bakal diadakan kembali

pada 28 November ini.

Jaguh beregu badminton lelaki negara, **Soh Wooi Yik**, menyifatkan pemberian insentif tersebut memberi motivasi untuk dirinya agar terus cemerlang di samping mempersiapkan mental dan fizikal bagi memenangi lebih banyak gelaran di peringkat dunia.

“Saya bersyukur kerana Wilayah Persekutuan sentiasa memberi penghargaan kepada atlet yang berjaya meraih pingat dalam kejohanan dan semestinya perkara ini memberi motivasi kepada kami untuk terus berjuang pada masa hadapan. Status gelaran juara dunia yang diraih bersama gandingan, **Aaron Chia** mendorong kami untuk perbaiki aksi dan kekal konsisten di atas gelanggang sekiranya mahu memburu lebih banyak kejuaraan selepas ini,” ujar anak bekas pemain badminton Malaysia, **Soh Goon Chup** ini.

Beralih kepada perkembangan terbaharunya, anak jati Kuala Lumpur itu berkata dia bersama **Aaron** sedang berusaha keras melakukan persiapan fizikal dan latihan pukulan berkualiti dalam gelanggang bagi melayakkan diri ke Jelajah Dunia BWF Akhir.

“Jelajah Dunia BWF Akhir menjadi idaman kami kerana menawarkan mata ranking yang tinggi untuk dimanfaatkan dalam perlumbaan kelayakan ke Sukan Olimpik Paris 2024,” ujarnya. **WK**



1,000 penduduk PA Sri Johor meriahkan Deepavali Kondattam Bandar Tun Razak

DIANA AMIR

KIRA-KIRA 1,000 penduduk Perumahan Awam (PA) Sri Johor, Bandar Tun Razak hadir memeriahkan Sambutan Perayaan Deepavali yang diadakan pada Ahad lalu.

Sambutan secara besar-besaran yang diadakan julung kali itu, diisi dengan pelbagai aktiviti seperti cabutan bertuah, nyanyian serta persembahan tarian tradisional kaum India dan sebagainya.

Menurut Pegawai Khas kepada Setiausaha Politik Perdana Menteri, **Jonathan Vela**, sumbangan turut disampaikan kepada keluarga yang terpilih bagi meringankan beban mereka yang memerlukan.



JONATHAN

“Seramai 400 keluarga terpilih menerima bantuan berbentuk wang tunai manakala 100 lagi menerima sumbangan Bakul Rahmah di mana mereka terdiri daripada golongan berpendapatan rendah (B40).

“Selain itu, 100 buah keluarga



WAN AZIZAH (tengah) menyampaikan duit raya kepada penduduk PA Sri Johor pada Program Deepavali Kondattam Ahad lalu.

lagi menerima bantuan yang disampaikan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sendiri dalam satu majlis berlainan,” katanya kepada *Wilayahku* sewaktu ditemui sejurus Program Deepavali Kondattam yang diadakan di padang

bola sepak, Bandar Tun Razak, Cheras.

Jonathan berharap bantuan yang disampaikan tersebut sedikit sebanyak dapat memberi kelainan seterusnya kegembiraan dalam menyambut perayaan pada kali ini.

“Saya harap semua yang hadir pada program ini merasa gembira kerana dapat berkumpul beramai-ramai bagi menyambut Deepavali. Saya mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada semua dan semoga ia dapat diraikan

bersama keluarga dengan lebih meriah,” ujarnya.

Turut hadir Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin.

Salah seorang penerima, Velamah Samyappan, 67, berkata dia sangat gembira dan bersyukur dengan bantuan yang disampaikan.

“Bantuan ini membantu kami sekeluarga untuk melakukan persiapan dan dengannya juga menjadikan perayaan kali ini lebih bermakna,” jelasnya yang berterima kasih kepada pihak yang telah menyumbang.

Selain itu, salah seorang pengunjug, Saravanakumar Kanagratnam, 44, berkata ia merupakan satu inisiatif yang baik dalam usaha menambah kegembiraan dalam perayaan Deepavali kali ini.

“Apa yang saya lihat semua orang gembira apabila wujud program seperti ini di mana kita dapat menyambut Deepavali beramai-ramai kerana di Malaysia kita meraikan semua jenis perayaan tanpa mengira kaum, bangsa dan agama,” ujarnya yang berharap program seperti ini dapat diteruskan lagi dengan beberapa penambahbaikan. **WK**

Program Lestari Niaga@Kuala Lumpur beri imej baharu buat penjaja

SELARAS dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mempergiatkan aktiviti-aktiviti ekonomi yang mampan dan inklusif khususnya di ibu negara, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah dipertanggungjawabkan melakukan kerja-kerja penambahbaikan di pusat penjaja dan gerai milik pihak berkuasa tempatan (PBT) menerusi Program Lestari Niaga@Kuala Lumpur.

Antara lokasi yang ditambah baik melibatkan enam pusat penjaja dan gerai milik DBKL di kawasan Brickfields iaitu Kompleks Tun Sambanthan, Medan Selera Tempat Letak Kereta Brickfields, Kedai Bunga Little India, Kedai Burung Little India, Little India Seri Kota dan kedai bunga di Jalan Scott.

Rata-rata peniaga dan pengunjung menyambut baik inisiatif tersebut dan berpuas hati apabila enam pusat penjaja dan gerai tersebut ditambah baik menjadi lebih selesa, indah serta bersih.



ANTARA lukisan dinding yang menghiasi kedai bunga Little India.

Berkongsi pandangan, peniaga Kedai Bunga Little India, Rajeswary Subramaniam, 48, berkata usaha DBKL itu dilihat tidak hanya menambahkan seri kepada kawasan tersebut malah memberi keselesaan kepada pengunjung sekali gus membantu meningkatkan pendapatan para peniaga.

“Kalau sebelum ini keadaan di

sini agak suram dan selepas DBKL melakukan penambahbaikan dengan lukisan mural di dinding-dinding sekitar Little India ia menambah ‘seri’.

“Pada tahun ini ramai yang datang ke gerai kami untuk membeli persiapan Deepavali secara tidak langsung memberi sokongan kepada penjaja kecil,” katanya kepada

Wilayahku.

Turut menyambut baik program tersebut, Puvaan Raj, 21, berkata selain kaum India, kawasan di sekitar Little India itu juga sentiasa menjadi lokasi tumpuan pelancong tempatan termasuk luar negara terutama ketika musim perayaan Deepavali.

“Penambahbaikan yang dilakukan ini sedikit sebanyak memberi imej baharu terhadap Little India namun selain PBT, peniaga juga perlu memainkan peranan dalam menjaga kebersihan di kawasan perniagaan,” ujarnya yang berharap semua pihak memainkan peranan dan tidak menunggu pihak DBKL untuk melakukan rondaan dalam memastikan sesebuah premis itu bersih.

Bagi Shurenraj Sockalingam, 29, dia gemar berkunjung ke Little India kerana banyak pilihan kedai dan barangan yang boleh didapati dengan harga mampu milik.

“Persekitaran di sini juga saya lihat lebih baik berbanding tahun lalu di mana dinding-dinding dihiasi dengan lukisan mural dan telah dicat

semula. Ia seolah memberi nafas baharu kepada kawasan ini,” jelasnya yang datang dari Ipoh.

Terdahulu, Program Lestari Niaga@Kuala Lumpur merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Madani dengan kerjasama DBKL untuk menaik taraf fasiliti gerai-gerai peniaga kecil dan penjaja sedia ada kepada fasiliti yang lebih kondusif dan selesa di sekitar Kuala Lumpur.

Kerja-kerja pengindahan yang dilaksanakan oleh DBKL termasuk pengindahan fasad, penambahbaikan bumbung, kerja-kerja mengecat semula bangunan dan mengecat mural, penggantian kipas dan lampu yang baru, penggantian paip-paip air dan pemasangan papan tanda. **WK**

